

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"KITA tidaklah wajar membiarkan wawasan ini sebagai satu retorik intelektual semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan. Tetapi kita mesti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh. Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara."

- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK  
5.04 5.14 6.32 6.54 12.34 3.50 6.33 7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 26

1 MAC 2017 / 1438 2 جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

## Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Puan Yang Terutama Dayang Kamilah binti Haji Mohd. Hanifah (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Dayang Hajah Shukrinah binti Haji Ibrahim.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran

Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Puan Yang Terutama

Dayang Kamilah binti Haji Mohd. Hanifah.

Puan Yang Terutama Dayang Kamilah telah menerima Surat Watikah Pelantikan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Februari 2017.

Sebelum ini, PYT pernah berkhidmat sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Jabatan Kerjasama Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal

Luar Negeri dan Perdagangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Dayang

Hajah Shukrinah binti Haji Ibrahim.

Kedua-dua Majlis Mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman.

## Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta Sambut penuh makna sejarah

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Februari. - Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta adalah sambutan yang julung-julung kali diadakan, setentunya dinanti-nantikan oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta bersabda, inilah peluang bagi semua lapisan rakyat dan penduduk Brunei Darussalam untuk sama-sama menyambut detik gilang-gemilang pemerintahan paduka ayahanda sebagai raja yang bijaksana dan sentiasa prihatin terhadap perpaduan dan kesejahteraan rakyat dan negara ini.

Justeru itu, sabda DYTM, amatlah wajar hari tersebut disambut dengan penuh makna sejarah terutamanya bagi menghargai setinggi-tingginya kepimpinan paduka ayahanda dan sumbangan besar dalam menerajui hala tuju negara di sepanjang tempoh 50 tahun pemerintahan.

Ke muka 5

## Pembukaan rasmi MMN pada 6 Mac

Siaran Akbar :  
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Februari. - Dengan ini dimaklumkan kepada para jemputan khas, para jemputan dan juga orang ramai bahwa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang akan diadakan pada hari Sabtu, 5 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 4 Mac 2017 Masihi itu diubah kepada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 6 Mac 2017 Masihi.

Tempat dan masa adalah tidak berubah.

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept\_bn



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

# Hidupkan keunikan di suasana keraian

Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,  
Wassalaatu' Wassalaamu  
'Alaa Asyaraafil Mursaleen, Sayyidina  
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**A**LHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita akan menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Paduka Ayahanda yang Ke-71 pada tahun ini yang mana acara-acara keraiannya adalah pada minggu ketiga bulan Syawal yang mubarak.

15 Julai merupakan tarikh yang amat signifikan kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Tarikh ini memberi peluang sangat berharga bagi kita semua bagi menzahirkan kesyukuran, penghargaan dan merafakkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis paduka ayahanda.

Sebagai raja yang bijaksana dan amat disanjung serta prihatin terhadap perpaduan dan kesejahteraan rakyat dan negara, suasana kemeriahian sambutan perayaan akan setentunya lebih bermakna dengan merlu pencapaian era keemasan dalam sejarah negara, iaitu Jubli Emas Paduka Ayahanda Menaiki Takhta kurang lebih 3 bulan kemudian.

Saya percaya persiapan dan persediaan tertentu telah mula dirancang bagi memastikan pelaksanaan acara-acara yang disusun dengan penuh teratur, rapi dan sempurna.

Dalam hal ini, saya amat menghargai komitmen, ketekunan, serta permuafakatan dan kerjasama padu berterusan dari semua pihak dalam melaksanakan segala bentuk perancangan yang telah disusun selaras dengan matlamatnya.

Semangat seumpama inilah juga yang kita perlu tanamkan secara berterusan pada menjunjung dan mendukung aspirasi paduka ayahanda.

Sebagai hala tuju ke hadapan, seluruh lapisan rakyat dan penduduk perlu menanamkan sikap proaktif dengan transformasi set minda masing-masing yang menjurus kepada pembangunan masyarakat dan negara yang berdaya maju, berdaya saing, dan lebih inovatif serta kreatif.

Saya mengambil maklum bahawa Mesyuarat 'Post Mortem' Perayaan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Ayahanda yang Ke-70 Tahun telah pun dilaksanakan. Pengalaman serta langkah-langkah pembinaan yang disepakati bersama perlu difikirkan secara rasional.

Kita perlu mengambil iktibar serta tindakan penambahbaikan yang bersesuaian jika terdapat sebarang



**SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa Mesyuarat Ke-2 Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun pada hari Sabtu, 28 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 25 Februari 2017 Masihi di Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan.**

kekurangan dan permasalahan yang timbul dalam pengendalian acara-acara perayaan tersebut.

Di sinilah peranan jawatankuasa tertinggi serta jawatankuasa peringkat daerah. Semua hendaklah menggembung selaras dengan optimal selaras dengan semangat untuk memastikan kesempurnaan serta menghidupkan keunikan suasana keraian di daerah masing-masing.

Pada hemat saya, perkara yang lebih berkeutamaan serta terpenting adalah kesan langsungnya dalam menjana kesatuan dan kesetiakawanan dalam memperteguhkan keakraban yang sedia terjalin di antara seorang raja dengan rakyat.

Alhamdulillah, paduka ayahanda telah pun memperkenankan bagi tarikh istiadat, upacara dan acara utama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Ke-71 di sepanjang bulan Julai akan datang.

Oleh itu, semua jawatankuasa yang berkenaan perlu meneruskan komitmen dan memantapkan rangka kerjasama dengan pihak berkepentingan lainnya dalam membuat persediaan wajar bagi kesempurnaan setiap yang dirancang.

Saya percaya dengan kesepakatan dan kesatupaduan semua pihak, acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Paduka Ayahanda ini akan menjadi wadah pada memantapkan lagi

keharmonian bernegara melalui jalinan akrab di antara raja dan rakyat jelata; menerapkan semangat patriotik dan jati diri; kasih serta setia kepada raja; cintakan tanah air; serta bersatu padu dalam memelihara kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Dalam kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan buah fikiran, tenaga, usaha dan masa kepada jawatankuasa kebangsaan, jawatankuasa tadbir tertinggi peringkat daerah, jawatankuasa-jawatankuasa kerja, dan berbagai pihak dalam mengendalikan acara-acara sambutan perayaan yang lepas.

Semoga ianya menjadi amal bakti kita yang ikhlas dan menerima ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Akhirnya, selaku Penaung Jawatankuasa Kebangsaan ini, adalah menjadi harapan saya supaya ahli-ahli jawatankuasa di permesyuaratan pada pagi ini akan dapat bersama-sama memberikan pandangan dan pendapat semata-mata bagi membiasakan, memeriahkan dan mempertingkatkan lagi kualiti serta kesempurnaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Ayahanda yang Ke-71.

Sekian, Wabillah Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

1 MAC 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الآخر 1438

### HADIRI MMN DENGAN KOD PAKAIAN YANG BETUL

**A**LHAMDULILLAH, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi akan berlangsung pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan dengan 6 Mac 2017 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan MMN, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

Istiadiat pembukaan rasmi berkenaan akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Persidangan MMN pada tahun ini merupakan kali ke-13 sejak ia ditubuhkan semula pada 25 September 2004 setelah dibubarkan pada tahun 1984.

Pegawai-pegawai kerajaan, penuntut-penuntut sekolah dan institusi pendidikan kerajaan dan swasta serta orang awam yang berhasrat mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN adalah dialu-alukan untuk datang dengan memakai kod pakaian yang telah ditetapkan dan dimestikan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan semasa berada di dalam Dewan Persidangan. Kad Pengenal Pintar hendaklah dibawa untuk ditukar dan diberikan pas-pas keselamatan sebelum memasuki kawasan bangunan Dewan Majlis.

Menurut Siaran Akbar MMN, kod pakaian yang diperbolehkan adalah baju kemeja lengan panjang, tali leher dan bersongkok, pakaian Melayu Islam Beraja, baju Melayu lengkap, sinjang dan bersongkok bagi lelaki dan bagi perempuan pula memakai baju kurung dan tudung atau baju kemeja wanita dan seluar / skirt labuh panjang dan 'lounge suit'.

Kod pakaian bagi institusi pengajian tinggi pula adalah baju lengan panjang (bagi mahasiswa), baju kurung dan tudung (bagi mahasiswa) dan berpakaian kemas serta sopan. Sementara kod pakaian pelajar dan murid sekolah adalah pakaian seragam sekolah masing-masing.

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat tidak membekalkan pakaian seperti topi / cap, baju lengan pendek, baju 'T', baju sukan, seluar 'jeans', seluar pendek, seluar sukan, skirt pendek, 'leggings' sandal dan selipar.

Manakala itu, pakaian bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN tahun ini untuk Ahli Yang Berhormat, mestilah memakai pakaian seragam (uniform) dengan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kehormatan (untuk Menteri-Menteri Kabinet); pakaian seragam (uniform) atau Pakaian Kebangsaan Hitam dengan Bertajuk (Dastar) beserta Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kehormatan; dan Baju Kurung Hitam (bagi wanita) beserta dengan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kehormatan.

Bagi jemputan khas, pakaian seragam (uniform) bagi Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Ahli-Ahli Majlis Mengangkat Raja, Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam dan jemputan khas yang tidak mempunyai pakaian seragam (uniform) yang diberikan keistimewaan kedudukan di atas dais ialah berpakaian hitam (bersongkok) bersama Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kehormatan. Jemputan-jemputan yang lain hendaklah memakai pakaian kebangsaan hitam atau 'lounge suit' gelap.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai bolehlah menghubungi Urusetia Persidangan MMN atau hubungi terus melalui talian +673 2384202 / +673 2380501 sambungan 5118, no. faksimile : +673 2385500 atau melalui laman sesawang 'www.majlis-mesyuarat.gov.bn'.

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, janganlah melepaskan peluang kesempatan ini untuk menghadiri MMN Ke-13 Tahun ini dan sama-sama mendengarkan perbincangan mengenai isu-isu utama pembangunan semasa untuk kemaslahatan laila rakyat dan negara juga.

Semoga MMN pada kali ini akan berjalan dengan lancar, muafakat, dan dedikasi serta membawa strategi-strategi yang bermanfaat untuk menjana perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam dengan kebijaksanaan Yang Di-Pertua MMN.

Akhirnya, marilah kita sama-sama menghayati petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-4 MMN pada 4 Mac 2008 antara lain menyentuh :

"... Majlis ini kita sifatkan sebagai syura permuafakatan untuk melakukti strategi-strategi yang bermanfaat bagi membantu kerajaan beta pada meneguhkan lagi sistem yang sedia ada, yang sudah kita warisi sejak turun-temurun."

Beta akan terus memerhatikan perjalanan permesyuaratan ini, di samping berharap, ia akan menjadi wadah mencetuskan pemikiran-pemikiran baru lagi kemas. Oleh itu, diharapkan kepada ahli-ahli supaya berpandangan jauh dalam perbincangan, dengan penjurusan ialah kepada isu-isu strategik yang bermanfaat bagi rakyat, selaras dengan hala tuju negara dalam tahun-tahun mendatang.

Mutu perbincangan adalah turut ditentukan oleh sifatnya yang 'substantive', membina dan berdasarkan kajian-kajian faktak yang teliti dan tepat."

Selamat bersidang. - Ketua Penyuntingan (Nh).


Ramalan Cuaca 3 Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
32°C  25°C	32°C  25°C	32°C  25°C
<b>MUARA</b>		
32°C  25°C	32°C  25°C	32°C  26°C
<b>PEKAN BANGAR</b>		
32°C  25°C	32°C  25°C	32°C  25°C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
32°C  25°C	32°C  26°C	32°C  25°C
<b>PEKAN SEDIA</b>		
32°C  25°C	32°C  25°C	32°C  26°C
<b>KUALA BELAIT</b>		
32°C  25°C	32°C  26°C	32°C  25°C

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."										
Masihi	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
MAC										
1	RABU	2	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	KHAMIS	3	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
3	JUMAAT	4	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
4	SABTU	5	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
5	AHAD	6	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
6	ISNIN	7	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42
7	SELASA	8	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42

<b>TALIAN KECEMASAN</b>	AMBULANS 991
-------------------------	--------------

# Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan kepada 382 penerima



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 28 Februari. - Kebawah Duli  
Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam berkenan

Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani

Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 382 penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-70 Tahun.

Berangkat mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Mendahului pengurniaan pingat-pingat ialah Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) yang dikurniakan dan diterima oleh 61 penerima yang terdiri daripada 20 pegawai dan kakitangan JPM; 33 dari Kementerian Pertahanan; dua dari Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri; tiga dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan tiga dari Kementerian Perhubungan.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) yang dikurniakan kepada seramai 321 penerima yang terdiri daripada 144 penerima dari JPM; 96 dari Kementerian Pertahanan; 11 dari Kementerian Kewangan; 16 dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; 23 dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; 11 dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; manakala 20 dari Kementerian Perhubungan.

Bagi memberkati Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-Menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat; Timbalan-Timbalan Menteri; Pengiran-Pengiran Peranakan; Pehin-Pehin Manteri; Manteri-Manteri Pendalam; Pesuruhjaya Tinggi; Duta-Duta Besar; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Penghulu-penghulu Mukim serta Ketua-ketua Kampung.



ANTARA jemputan yang hadir pada Istiadat Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-70 Tahun tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan.



JUGA hadir ialah Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri dan Pehin-Pehin Manteri.

# Penganugerahan Pingat-Pingat Kehormatan Negara suntik semangat penerima

Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani  
Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 28 Februari. - Penganugerahan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setentunya menjadi penyuntik semangat bagi warga jabatan kerajaan untuk terus maju dan cemerlang demi berbakti dan memberi sumbangan kepada negara.

Ia juga merupakan satu penghargaan bagi warga jabatan kerajaan atas jasa bakti mereka kepada raja, kerajaan dan dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Mejai Dayangku Nur Izzah Nazurah binti Pengiran Mohammad yang berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika ditemui oleh Petita Brunei sejurus selepas Majlis Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-70 Tahun berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Mejai Dayangku Nur Izzah Nazurah selaku penerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) seterusnya menjelaskan, pengurniaan pingat itu memang tidak dijangka namun baginya setiap warga jabatan kerajaan seharusnya menjalankan tugas masing-masing dengan jujur dan amanah.

Menurutnya lagi, setiap warga jabatan kerajaan hendaklah sentiasa bersedia untuk terus maju kehadapan dalam memperbaiki diri sendiri, komitmen serta terus meningkatkan kualiti kerja.

Beliau berharap akan terus memberi sumbangan bakti dengan lebih gigih kepada ABDB dalam menjalankan tugas.

Terdahulu, beliau juga menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah perkenan baginda bagi pengurniaan pingat dan melahirkan ucapan terima kasih atas ABDB, khususnya Akademi Pertahanan atas penghormatan dan kepercayaan yang diberikan.

Manakala penerima P.I.K.B, Dayang Ramlah binti Md. Nor bersama adiknya, Dayang Hajah Hadijah binti Md. Nor, turut melahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penganugerahan

pingat tersebut.

"Dengan penganugerahan pingat ini adalah sebagai pengiktirafan kita sebagai warga Perkhidmatan Awam atas khidmat bakti kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berusaha untuk lebih gigih lagi pada masa akan datang," ujar Dayang Ramlah.

Sebelum berkhidmat di Jabatan Penerangan, Dayang Ramlah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka selama sembilan tahun dan kemudian bertugas di Jabatan Penerangan bermula tahun 2006 hingga sekarang.

Menurut Dayang Hajah Hadijah yang berkhidmat di Jabatan Mufti Kerajaan pula, kunci kejayaan untuk menjadi warga jabatan kerajaan yang berguna adalah bekerja dengan tekun, sabar, ikhlas, jujur dan amanah dalam menjalankan tugas.

Beliau yang sudah berkhidmat di jabatan kerajaan selama 19 tahun seterusnya berharap untuk terus meningkatkan lagi mutu kerjanya untuk lebih gigih dan cemerlang.

Seorang lagi penerima P.I.K.B, Awang Kula bin Mohammed



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-70 Tahun.

yang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik berkata, beliau akan terus mempertingkatkan lagi mutu kerja dengan lebih efisien, komitmen dan terus meningkatkan

disiplin kerja dalam melaksanakan sebarang tugas yang diberikan kepadanya.

Beliau yang sudah berkhidmat selama 33 tahun itu berhasrat untuk

terus memberikan sumbangan dan berbakti kepada negara yang dicintai ini dan berazam akan berusaha dengan lebih gigih lagi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima wanita.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima lelaki.



DAYANG Ramlah binti Md. Nor (kiri) bersama para penerima semasa Istiadat Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam.



MEJAI Dayangku Nur Izzah Nazurah binti Pengiran Mohammad (dua, kanan) bersama rakan-rakan beliau dari Kementerian Pertahanan menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B).

# DPMM berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Awang Haji Sulaini bin Haji Said dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Puan Yang Terutama Dayang Kamilah binti Haji Mohd. Hanifah.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 28 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta-Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang

baru dilantik.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima

Oleh : Aimi Sani

Foto : Masri Osman

mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Awang Haji Sulaini bin Haji Said dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Puan Yang Terutama Dayang Kamilah binti Haji Mohd. Hanifah.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said sebelum ini menjawat jawatan sebagai Konsul Jeneral Negara Brunei Darussalam ke Jeddah.

Manakala, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Puan Yang Terutama Kamilah binti Haji Mohd. Hanifah pernah berkhidmat sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Jabatan Kerjasama Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Duta-Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik itu telah menerima Surat Watikah Pelantikan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Februari 2017.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

## Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta Sambut penuh makna sejarah

Dari muka 1

DYTM juga menekankan keutamaan penglibatan mantap dan bersungguh-sungguh keseluruhan rakyat dan penduduk dalam menjayakan acara-acara besar seumpama itu lebih-lebih lagi di kalangan belia.

Perkara ini adalah selaras dengan hasrat untuk menggalakkan volunteerism atau sifat gemar menyumbang kepada perkara-perkara yang berkepentingan nasional dengan semangat cintakan tanah air dan menjalang tinggi kepimpinan raja, sabda DYTM.

Dengan yang demikian, DYTM bersabda, adalah penting dalam era globalisasi dunia masa kini yang telah mencetuskan banyak perubahan dalam menghayati kehidupan arus pasca permodenan. "Apatah lagi, perubahan terhadap gaya hidup berorientasikan teknologi dan kemajuan maklumat juga mampu mengubah bentuk pemikiran, ideologi dan budaya sesebuah masyarakat khususnya para belia jika tidak ditangani dengan betul.

Di sinilah di mana jawatankuasa ini dapat berperanan dalam sama-sama menyumbang kepada usaha membendung kesan negatif tersebut," sabda DYTM di Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta bertempat di Jabatan Perdana

Menteri, di sini.

DYTM seterusnya bersabda menggesa Jawatankuasa Jubli Emas tersebut, untuk mengambil peluang dari sambutan berkenaan ke arah memperkuuhkan lagi Konsep Melayu Islam Beraja sebagai amalan berterusan dalam membangun masyarakat yang berbekal keislaman yang murni, yang mengutamakan perpaduan sebagai calak kehidupan kitani orang Brunei.

Namun kejayaan dalam merealisasikan hasrat tersebut, tegas DYTM, bergantung sepenuhnya kepada sejauh mana kita berupaya menarik minat dan menggalakkan penyertaan golongan-golongan yang disaraskan.

Justeru, sabda DYTM, strategi komunikasi yang berkesan adalah diperlukan dan ianya mestilah dirancang sedari awal yang berupaya menarik penglibatan mereka dalam acara-acara sambutan.

Sabda DYTM, pendekatan-pendekatan melalui penggunaan teknologi semasa dan media elektronik misalnya aplikasi muat turun seharusnya menjadi pilihan utama dalam strategi pembariganan nanti.

"Dalam hal ini, saya gembira mengetahui bahawa setiap jawatankuasa Sektoral sedang giat mengadakan perbincangan bagi persiapan dan persediaan tertentu untuk memastikan pelaksanaan acara-acara yang disusun dengan penuh teratur, rapi dan sempurna," sabda DYTM.

Bagi tujuan itu, DYTM bersabda agar komitmen, ketekunan, serta permuafakatan perlu dilakukan,



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. - Foto : Masri Osman.

yang menggambarkan perpaduan erat yang dibina dan dipupuk sejak sekian lama di kalangan rakyat dan penduduk dengan berpaksikan ketaatan dan kesetiaan kepada raja dan negara.

"Namun dalam kita menimbulkan cadangan-cadangan acara sambutan, hendaklah kita sentiasa terpandu oleh titah paduka ayahanda yang menekankan sifat sambutan sebagai 'petanda' bagi sejarah dan seterusnya mengamalkan kesederhanaan.

Apa yang paling mustahak

sekarang ialah supaya setiap yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna dan tidak tersasar dari sasaran masa dan peruntukan yang telah ditetapkan," tegas DYTM.

Dengan yang demikian dalam mesyuarat itu DYTM, berharap agar perbincangan lebih tertumpu kepada kemajuan pelaksanaan perancangan setiap sektor, iaitu termasuklah kemungkinan adanya perkara-perkara bersangkut paut yang boleh menjadi kewahaman dan cabaran kepada mana-mana Jawatankuasa

Sektoral yang memerlukan penyelesaian di peringkat jawatankuasa.

Sebelum mengakhiri sabda, DYTM selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas, berasa penuh yakin bahawa ahli-ahli jawatankuasa di permesyuaratan akan sama-sama memberikan pandangan dan pendapat yang bernas lagi berguna ke arah memastikan kesempurnaan acara-acara Sambutan Jubli Emas paduka ayahanda DYTM menaiki takhta yang akan menjelang.

# Membincangkan acara Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 27 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Mesyuarat berlangsung di Bangunan JPM, Jalan Perdana Menteri, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas, dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien selaku Ahli Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas.

Turut menjunjung keberangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ialah Pengurus-Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berkenan berangkat ke Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Berangkat sama, ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, selaku Ahli Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas.**



Mesyuarat didahului dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Mesyuarat diteruskan dengan sembah alu-aluan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam sembah alu-aluan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, antara lain menyembahkan cadangan-cadangan

yang berkaitan dengan Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota seterusnya berkenan mengurniakan sabda.

Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi ini adalah kesinambungan dari Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas di mana mesyuarat kali ini menumpukan perbincangannya kepada cadangan acara-acara yang akan diadakan bersempena Sambutan Jubli Emas.

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah semasa berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba pada mesyuarat tersebut.**



**MESYUARAT** Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta menumpukan perbincangannya kepada cadangan acara-acara yang akan diadakan bersempena Sambutan Jubli Emas itu nanti.

# YTM berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun di Surau Brunei Hall, Norfolk Square, London (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah daripada para penuntut Brunei.

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Isnin, 27 Februari. - Acara kemuncak Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun telah diadakan di Surau Brunei Hall, Norfolk Square, London pada hari

Rabu, 22 Februari lalu.

Berangkat ke majlis tersebut, ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah, Solat Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pegawai Ugama Unit Penuntut-Penuntut,

**Siaran Akhbar dan Foto :**

**Brunei Students Union dari London, United Kingdom**

Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Majlis diakhiri dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah.

Acara Doa Kesyukuran tersebut juga dilangsungkan di kesemua kawasan penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Ireland.

# Berangkat serta Futsal 6 Sepasukan

**Siaran Akhbar : Brunei Students Union dari London, United Kingdom**  
**Foto : Ihsan Radio Televisyen Brunei**

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Isnin, 27 Februari. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam dan Unit Penuntut-Penuntut di London telah mengadakan Kejohanan Futsal 6 Orang Sepasukan dan Acara Berbasikal Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan London 2017.

Kejohanan Futsal 6 Orang Sepasukan telah diadakan pada hari Sabtu, 25 Februari yang lalu bertempat di Pro : Direct Play, Shepherd's Bush, London di mana sebanyak 12 buah pasukan telah menyertai kejohanan tahun ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan, penuntut-penuntut dan termasuk juga satu pasukan jemputan dari ASEAN.

Berangkat dan seterusnya menyertai kejohanan bola sepak yang telah diadakan buat

kali ketiga berturut-turut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Kejohanan telah dijuarai oleh pasukan ASEAN manakala naib juara disandang oleh pasukan Brunei Hall 1 dan pasukan Anak Tebuan menduduki tempat ketiga.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengiran Dato Setia Haji Yusof bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Sepiuddin.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan disebekalkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai Kejohanan Futsal 6 Orang Sepasukan berkenaan.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar ramai bersama pasukan-pasukan yang menyertai Kejohanan Futsal 6 Orang Sepasukan.


# Jabatan Penjara raikan ke-63 tahun penubuhannya

Oleh : Khartini Hamir,  
Muhammad Nazih Haji Zaini  
Foto : Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

**KAMPUNG JANGSAK**, Selasa, 28 Februari. - Jabatan Penjara seperti tahun-tahun sebelumnya melalui Jawatankuasa Keagamaan Jabatan Penjara mengadakan dua majlis serentak, iaitu Majlis Doa Kesukuran dan Majlis Khatam Al-Quran Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-63 Tahun pada setiap 1 Mac.

Majlis berlangsung di Masjid Jubli Perak dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir sama semasa majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesukuran dan Majlis Khatam Al-Quran Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-63 Tahun yang berlangsung di Masjid Jubli Perak.

Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha

Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Ali; Pemangku Pegawai

Daerah Brunei Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penjara.

Acara Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sejurus selesai acara diteruskan dengan bacaan Tahtim dan bacaan Doa Khatam oleh Awang Haji Ismail bin Begawan Pehin Khatib Haji Abd. Hamid, manakala bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran diketuai oleh Awang Haji Azmi bin Haji Tapau.

## Brunei - Viet Nam adakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng, selaku Ketua Delegasi Brunei Darussalam (kiri) bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Bin Minh, selaku Ketua Delegasi Viet Nam ketika menghadiri Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama bagi Kerjasama Dua Hala antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Sosialis Viet Nam. - Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



## Brunei selamanya kekal sebagai negara MIB



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Muhammad Nazih Haji Zaini  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUNGKU LINK**, Isnin, 27 Februari. - Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan teras kenegaraan Brunei dan ternyata bahawa pemasyhuran Brunei akan untuk selama-lamanya kekal sebagai sebuah negara MIB itu adalah suatu azam politik untuk menjamin ketenteraman dan keselamatan, kebijakan serta kebahagiaan bagi rakyat.

Melalui negara MIB itu, Brunei akan berinteraksi dengan negara-negara lain atas dasar saling menghormati, persamaan dan keutuhan wilayah, bebas dari campur tangan asing.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dalam ceramah khasnya pada Majlis Perhimpunan Khas Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33

Tahun bagi Warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di sini.

Dalam Ceramah Khas yang bertajuk 'Signifikan Titah Pemasyhuran Kemerdekaan', Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menaruh kepercayaan dan keyakinan yang tinggi bahawa azam tersebut akan kekal untuk selama-lamanya, iaitu generasi demi generasi, orang Brunei turun-temurun dari zaman sekarang sampai ratus dan ribuan tahun akan datang, pasti boleh kekal menjadi negara MIB dalam segala sifat, konsep dan falsafah kenegaraannya, dengan bercontoh kepada pengalaman Brunei sendiri mengekalkan dirinya sebagai sebuah negeri berpemerintahan beraja sampai sekarang selama lebih 1,500 tahun (TM502 - 2017).

"Cabaran sekarang untuk jangka masa yang panjang adalah sentiasa waspada dengan bersemangat cintakan tanah air dan bangsa; bijak berinteraksi

dengan negara-negara sedunia; berkeyakinan terhadap diri sendiri dengan bersatu padu; menguasai ilmu pengetahuan dan ekonomi yang kukuh," tegas Yang Berhormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Di puncak semua itu tegas Yang Berhormat lagi, ialah kekal sebagai bangsa yang taat kepada Allah, mensyukuri nikmat Allah dengan merealisasikan konsep Negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Perhimpunan Khas dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Khas dipimpin oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Awang Haji Haris bin Suboh diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam beramai-ramai.

Acara diakhiri dengan persembahan Selawat Badriyyah yang dibawakan oleh tenaga pengajar dan pelajar-pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal

Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan), Awang Roslan bin Haji Taja'ah serta pegawai dan kakitangan KHEU.

Perhimpunan yang dihadiri oleh lebih 2,000 warga KHEU itu bertujuan bagi merangsang semangat dan meningkatkan mutu perkhidmatan dalam bidang keugamaan, pada mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat dalam menjunjung tinggi kepimpinan raja dan berpemerintah beraja, Negara Zikir yang mendukung syari'at Islam.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahim di kalangan warga KHEU serta sebagai bentuk pengisian dan penghayatan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun.

# Cara penggunaan baki wang derma dan sumbangan

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**M**ASYARAKAT kita di Negara Brunei Darussalam sememangnya sangat terkenal dengan sifat murah hati, sikap prihatin dan berlaku ihsan sesama anggota masyarakat, tolong-menolong dan yang lebih ketara ialah suka menderma dan memberi sumbangan, lebih-lebih lagi ke arah perkara-perkara yang berkebajikan, khususnya dalam perkara keagamaan dan kemanusiaan (insaniah), sama ada dalam bentuk wang ringgit mahupun harta benda.

Adakalanya mendermakan sesuatu itu dilakukan secara spontan, iaitu seseorang akan menghulurkan atau menyerahkan sendiri wang secara langsung kepada penerimanya, sama ada penerima adalah individu yang dimaksudkan untuk menerima derma ataupun wakil kepada pihak yang dimaksudkan.

Namun bukanlah suatu yang asing kepada kita, terdapat juga inisiatif daripada pihak tertentu, iaitu sebagai pengelola atau penganjur, yang membuat kutipan wang derma daripada orang ramai atau kumpulan-kumpulan tertentu dengan menerangkan tujuan kutipan dibuat, seperti untuk Majlis Tahlil dan Doa Selamat sekampung, Majlis Khatam Al-Quran bagi murid-murid Tahun 6, sebagai sumbangan hadiah bagi bakal-bakal haji tahun 1437/2016, derma kepada mangsa kebakaran di kampung yang terlibat dan seumpamanya. Dalam keadaan seperti ini, orang ramai akan menyerahkan wang derma tersebut kepada pihak pengelola untuk disalurkan dan digunakan sebagaimana niat dan tujuan penderma, sama ada untuk kegunaan majlis yang dimaksudkan ataupun diserahkan terus kepada penerimanya.

Dalam melimpahnnya derma yang dihilurkan itu, seringkali juga timbul pertanyaan bagaimanakah tatacara sebenar pengurusan wang kutipan derma termasuklah bakinya untuk memastikan agar derma tersebut disalurkan dan diagihkan selaras dengan niat atau tujuan para penderma. Irsyad Hukum pada kali ini akan membawakan penjelasan mengenainya.

## HUKUM BERSEDEKAH

Sedekah adalah suatu pemberian yang dimaksudkan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Secara umumnya, sedekah itu mengandungi makna sedekah wajib, iaitu zakat, dan sedekah *tathawwu'* (sunat). Namun yang menjadi tumpuan penjelasan di sini ialah sedekah *tathawwu'* (sunat).

Bersedekah *tathawwu'* (sunat) merupakan suatu amalan yang mulia dan hukumnya adalah

sunat. Penerima sedekah *tathawwu'* (sunat) itu adalah terdiri daripada sesiapa sahaja walaupun dia seorang yang kaya dan orang kafir.

Firman Allah Ta'ala dalam Al-Quran mengenai anjuran serta ganjaran bagi mereka yang menginfakkan (menyumbangkan, membelanjakan atau mengeluarkan sebahagian wang, harta dan sebagainya untuk kebajikan) secara ikhlas pada jalan Allah, demi mendapatkan ganjaran pahala atau pulangan yang lebih besar dan hebat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Tafsirnya :** "Siapakah orangnya yang (*mahu*) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta pada jalan Allah secara ikhlas), supaya Allah akan melipatgandakan baginya ganjaran yang berganda-ganda banyaknya? Dan Allah jualah yang menyempitkan dan meluaskan (pemberian rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya). Dan kepada-Nya kamu semua dikembalikan."

(Surah Al-Baqarah : 245)

Terdapat banyak hadis yang menceritakan kelebihan dan ganjaran daripada perbuatan bersedekah antaranya daripada Abu Sa'id al-Khudri Radhiallahu 'anhru Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Seorang mukmin yang memberi makan saudara mukmin yang dalam kelaparan, Allah akan memberikannya makanan (mengenyangkannya) pada hari kiamat daripada buah-buahan syurga. Dan seorang mukmin yang memberi minum saudara mukmin yang dalam kehausan, Allah akan memberikannya minum (menghilangkan kehausannya) pada hari kiamat daripada sejenis minuman arak syurga. Dan seorang mukmin yang memberikan pakaian kepada saudara mukmin yang dalam keadaan telanjang (sama ada yang nampak auratnya ataupun keseluruhan anggotanya), Allah akan memberikannya pakaian berwarna hijau daripada pakaian syurga."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

## ANJURAN KETIKA BERSEDEKAH

Perkara yang afodal dalam bersedekah ialah melakukannya secara sembuni-sembunyi (tidak diketahui), bersedekah kepada kaum kerabat dan jiran tetangga, dan bersedekah pada bulan Ramadan sebagaimana yang disebutkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Bersedekah juga dituntut pada hari-hari yang mempunyai kelebihan (keistimewaan) dan dijanjikan ganjaran pahala yang besar seperti sepuluh hari pertama di bulan Zulhijjah dan pada dua Hari Raya. Demikian juga di tempat-tempat yang mulia seperti Mekah dan Madinah, pada waktu terjadi serangan, pada waktu haji, dan bilamana terjadi kejadian-kejadian penting seperti gerhana, sakit dan musafir.

Menyentuh mengenai anjuran (afodal)

melakukan sedekah secara sembuni-sembunyi, apabila perbuatan seorang yang bersedekah secara terang-terangan bakal menjadi contoh ikutan kepada yang lain, maka dalam keadaan seperti ini bersedekah secara terangan-terangan itu adalah afodal berbanding bersedekah secara sembunyi, dengan syarat tidak menyebabkan *riya'* dan kemegahan (*sum'ah*).

Selain itu, disunatkan membaca basmalah ketika menyerahkan atau memberi suatu sedekah kepada penerimanya. Ini kerana amalan bersedekah merupakan ibadat. Dari itu, disunatkan bagi mereka yang sangat menyukai amalan kebajikan, janganlah dia sunyi atau kosong daripada bersedekah walau satu hari pun, dan walaupun dengan perkara (sedekah) yang sedikit atau kecil.

## PENGELOLA DERMA ADALAH PEMEGANG AMANAH

Menyentuh mengenai wang derma yang dikutip berdasarkan inisiatif pihak tertentu, iaitu pengelola atau penganjur, daripada orang ramai atau kumpulan-kumpulan tertentu, pada kebiasaannya cara kutipannya dilakukan adalah dengan menugaskani individu tertentu (pengutip derma) untuk memberikan penjelasan mengenai tujuan kutipan dan perkara-perkara penting yang berkaitan dengannya. Kemudian pengutip derma tersebut akan menerima kutipan wang derma lalu menyerahkannya kepada seorang yang diamanahkan bagi tujuan pengumpulan dan penyimpanan hasil kutipan wang derma.


Sebagai pengelola atau penganjur derma, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian dan dijaga oleh pihak pengelola. Setiap kutipan derma yang dibuat mestilah mempunyai tujuan yang sekurang-kurangnya menerangkan kepada para penderma tentang ke manakah kutipan derma tersebut hendak disalurkan atau diagihkan.

Pengelola derma juga merupakan seorang yang memegang amanah. Dalam menyalurkan atau mengagihkan sesuatu derma, pengelola derma sebagai pemegang amanah adalah wajib memelihara tujuan sesuatu derma itu dibuat yang merupakan niat para penderma.

Oleh itu, setiap derma yang hendak digunakan atau dibelanjakan oleh pemegang amanah derma atau pihak penganjur, hendaklah mengikut niat orang yang menderma atau mengikut tujuan derma itu dilakukan. Sayyidina 'Umar ibn al-Khattab Radhiallahu 'anhru telah meriwayatkan sebuah hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Sesungguhnya (sahnya) amal perbuatan itu adalah dengan niat dan sesungguhnya tiap-tiap seseorang itu mendapat apa yang telah diniatkan."

(Hadis riwayat al-Bukhari)



Sekiranya tujuan kutipan wang derma adalah dengan tujuan hendak mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah umpamanya, maka pengelola hanya akan membelanjakan wang kutipan derma itu bagi perkara yang berkenaan dengan majlis itu sahaja, tidak bagi perkara yang lain seperti membeli pinggan manguk dan sebagainya. Ini kerana apabila derma itu dihubungkan "atas nama Majlis Tahlil dan Doa Arwah", bermakna pada adatnya ia akan hanya dipakai untuk membiayai makan minum dan yang berkaitan dengannya sahaja, bukanlah untuk perkara-perkara lain yang tidak ada kaitan dengan majlis itu.

Dari itu, adalah haram hukumnya mereka (pengelola) menyalurkan atau mengagihkan derma yang mereka kelolakan ke arah satu tujuan yang berlainan dengan tujuan asal sesuatu derma itu dibuat tanpa mendapat izin dari kesemua para penderma yang menghulurkan derma tersebut, kerana perbuatan sedemikian dikira mengkhianati amanah yang diberikan kepada mereka.

Pengelola yang memegang amanah juga menerima ganjaran pahala yang setimpal. Daripada Abu Musa Radhiallahu 'anhru, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Sesungguhnya seorang penyimpan harta yang Muslim lagi amanah yang melaksanakan - dan kemungkinan juga Baginda bersabda : yang memberikan - apa yang diperintahkan kepadanya, maka dia (penyimpan harta) itu melaksanakan dengan sempurna lagi cukup dengan senang hati dan seterusnya menyerahkannya kepada orang yang diperintahkan untuk diberi, (maka) dia (penyimpan harta) itu adalah termasuk juga salah seorang daripada dua orang yang bersedekah."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

## BERSAMBUNG

# Pelajar harus miliki azam kuat



GURU Sekolah Ugama Kupang, Tutong, Awang Md. Nazrull bin Md. Zin menyampaikan tazkirahnya pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama bagi bulan Februari.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**TUTONG**, Isnin, 27 Februari. - Para pelajar selaku generasi muda belia haruslah mempunyai keazaman yang kuat, keazaman yang membolehkan mereka menewaskan segala kesusahan yang bakal dihadapi.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Guru Sekolah Ugama Kupang, Tutong, Awang Md. Nazrull bin Md. Zin ketika menyampaikan tazkirahnya semasa Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama bagi bulan Februari tahun ini yang berlangsung

di surau sekolah berkenaan. Merujuk mengenai tema Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, 'Menjayakan Wawasan Negara', beliau seterusnya menjelaskan, menjayakan bermaksud setiap rakyat dan penduduk serta segenap sektor dalam pembangunan negara seharusnya mempunyai peranan dalam memastikan agar Wawasan Negara 2035 tercapai dan berjaya.

"Wawasan Brunei 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan; berkemahiran dan berjaya; kehidupan yang berkualiti; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan," jelasnya.

Program yang ditumpukan di Sekolah Ugama Kupang, Tutong berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, kemudiannya disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin, bacaan

Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' yang diketuai oleh Awang Mazleajizul bin Haji Ramlee.

Program seumpama itu dihasratkan akan dapat memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai hidup berugama dan berakhhlak mulia selain menyokong pengisian hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



SEBAHAGIAN daripada pelajar perempuan Sekolah Ugama Kupang yang menghadiri program tersebut.

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping itu, ia juga bagi meningkatkan keterlibatan guru-guru agama khususnya dalam aktiviti kokurikulum, ia mendorong mereka menghadapi dunia sebenar apabila mereka bergaul dengan masyarakat.

# Karnival Pengguna Antarabangsa platform bagi PKS



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa merasmikan Karnival Pengguna Antarabangsa.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Februari. - Karnival Pengguna Antarabangsa anjuran Pro Ecccess Event Management buat julung kalinya diadakan, bermula hari ini hingga 5 Mac nanti bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Majlis Perasmian Karnival itu

disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat.

Pada majlis perasmian tersebut, tetamu kehormat diiringi pihak pengajur untuk dibawa melawat ke petak-petak pameran.

Sebanyak 70 buah petak pameran telah disediakan di mana 60 peratus daripadanya adalah peserta-peserta dari luar negara termasuk Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Antara tujuan karnival berkenaan diadakan adalah sebagai platform kepada pengedaran-pengedaran Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari negara ini, belia-belia lepasan sekolah serta graduan-graduan dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang belum mempunyai pekerjaan tetap, namun berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan ingin memperkenalkan produk-produk mereka.

Di samping itu, mereka juga dapat mempromosikan produk-produk berkenaan dengan harga yang lebih kompetitif dan ini amat bertepatan dengan fenomena sekarang yang mana dunia pemasaran digital kian terkenal, pantas dan sangat berkesan.

Pihak pengajur dengan kerjasama Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) juga akan menganjurkan Taklimat My Business Online Live Talk pada 3 Mac ini yang dibukakan kepada semua belia-belia lepasan sekolah, graduan-graduan IPT dan orang ramai yang berminat untuk memulakan perniagaan dalam internet

bagi memberi pendedahan mengenai peluang perniagaan yang boleh dilaksanakan melalui internet.

Taklimat itu akan diadakan di stadium berkenaan sebanyak dua sesi dan yuran pendaftaran adalah berjumlah BND50 untuk orang ramai

dan BND30 untuk pelajar.

Orang ramai yang berminat untuk mendaftar boleh mengunjungi laman sosial Facebook : Karnival Pengguna Antarabangsa Brunei atau berkunjung terus ke petak pameran A18 - PUIM.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa meninjau lebih dekat barang-barang yang dijual semasa karnival berkenaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, juga selaku Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017 melancarkan buku baharu terbitan Pusat Sejarah Brunei sempena Pesta Buku Brunei 2017.

## Pesta Buku Brunei 2017

### Memperkasa budaya membaca

Oleh : Khartini Hamir, Nurafizah @ Nurul Shadah Samat  
Foto : Hamzah Mohidin

**BERAKAS**, Isnin, 27 Februari. - Dalam menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang kepentingan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan dalam program pembangunan negara dan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui acara tahunan jabatan berkenaan yang telah diserap ke dalam kalender Pesta Buku Negara ASEAN membuka tirainya dengan Pesta Buku Brunei (PBB) 2017 yang diseluruhkan dengan Karnival Memperkasa Budaya Membaca (KMBM) bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan perasmian ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, juga selaku Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017.

Menerusi ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abd. Wahab menjelaskan, festival tersebut harus diraikan dengan sesungguhnya kerana pada tahun ini DBP mengangkat temanya 'Raikan Buku Raikan Ilmu' yang menjelaskan bahawa 'nutrisi jiwa' itu perlu dititikberatkan kerana pembangunan fizikal dan mental kenegaraan bukan sahaja bersandarkan kepada

daya tenaga tetapi juga nurani (fikiran) dalam merancang dan menzahirkan konsep hidup yang bermanfaat untuk negara dan bangsa.

Tambahnya lagi, mereka yang gemar membaca dan belajar akan memahami apa erti makna belajar seumur hidup dan tidak keterlalu dikatakan mereka yang belajar seumur hidup melalui membaca dalam pelbagai genre secara meluas setentunya memiliki kemampuan kognitif yang baik, spektrum pemikiran yang luas, pengetahuan yang kemas kini, peka dengan keadaan semasa, serta mampu memberikan pandangan yang bernas berdasarkan konteks.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyampaian penghargaan hadiah buku terlaris dan buku terbaru terbitan DBP kepada wakil institusi dan penulis.

Pada tahun ini, hadiah buku terlaris diberikan kepada hasil karya 'Sayangi Ibu Bapa' yang mencatatkan jualan terlaris di sepanjang tahun 2016 dalam Kategori Buku Umum, yang dihasilkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Tetamu kehormat juga berpeluang mengunjungi pameran karnival dan seterusnya melancarkan buku-buku terbitan terbaharu di Gerai DBP.

Tahun ini, DBP memperuntukkan sebanyak 100 petak gerai pameran dan jualan yang melibatkan 43 penyertaan yang terdiri dari tujuh penerbit kerajaan (termasuk DBP), 23 toko buku tempatan, dua syarikat IT tempatan dan 11 peserta dari luar negara termasuk Emiriah Arab

Bersatu, Jordan, Kesultanan Oman, Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Antara objektif pesta tersebut diadakan adalah bagi mendukung Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan masyarakat yang bermaklumat, berpendidikan, berpengetahuan, pemikir, berkualiti dan berwawasan, selain dapat mengeratkan lagi jalinan kerjasama hubungan perniagaan dan permuafakatan bagi merancang strategi untuk mengembangkan industri penerbitan buku di peringkat serantau dan antarabangsa.

PBB dan KMBM secara substantifnya mendukung strategi pendidikan dan strategi jaminan sosial dalam Wawasan Brunei 2035 yang bertujuan untuk memastikan perkembangan dalam aspek hiliran khususnya dunia kreatif, inovasi dalam aspek baca tulis serta pemupukan budaya membaca sebagai pemangkin daya cipta dan nilai tambah bagi menokok kecemerlangan hidup terlaksana.

Sementara KMBM pula, memupuk dan mendorong masyarakat khususnya kumpulan sasar yang terdiri daripada pelajar dan belia melalui program memperkasa budaya membaca dengan menzahirkan pelbagai acara antaranya pendaftaran keahlian, peminjaman buku, dan Cabaran Ria Bacathon, kuiz dan lain-lain.

Di samping itu, program tersebut juga bertujuan menggalakkan masyarakat mencintai buku dan ilmu serta mewujudkan masyarakat yang aktif, cerdas dan progresif.

PBB dan KMBM adalah dua program yang saling berkaitan dan disinergikan yang dirancang secara sistematis bagi menghasilkan matlamat ganda dalam konteks membangunkan sumber perbaikan dan ilmu secara setempat, memupuk kesedaran budaya membaca, pemangkin kepada budaya kebstarian bagi mencerdaskan rakyat dan penduduk di negara ini.

## Galakkan interaksi sosial pelatih Pusat Ehsan



ANTARA pelajar Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkuron yang membuat lawatan ke Funblock, di Kompleks Membeli-Belah Hua Ho Manggis.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERAKAS**, Selasa, 28 Februari. - Seramai 80 pelajar dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkuron terhibur apabila diberi peluang melawat ke Funblock, di Kompleks Membeli-Belah Hua Ho Manggis, di sini.

Rombongan berkenaan telah dialu-alukan oleh Pengurusan Funblocks. Sesi lawatan itu merupakan aktiviti pusat berkenaan dalam usahanya melibatkan para pelajar dengan pelbagai aktiviti yang membolehkan mereka untuk berdepan dengan masyarakat di samping memberikan pengalaman baru seterusnya meningkatkan perkembangan dan pembelajaran mereka.

Lawatan juga bertujuan untuk menggalakkan interaksi sosial termasuk meningkatkan kreativiti dan perkembangan murid semasa bermain.



Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim  
Foto : Jabatan Penerangan

**S**ELURUH rakyat dan penduduk di negara ini akan mula menumpukan perhatian pada Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bilamana Ahli-ahli MMN akan mula bersidang setelah mesyuarat dibuka rasmi pada 6 Mac ini nanti. Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di Jalan Dewan Majlis.

Seperi tahun-tahun sebelumnya, sesi persidangan akan diadakan selepas istiadat pembukaan rasmi atau pada hari serta waktu yang ditetapkan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib. MMN Musim Ke-13 ini akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN dan dibantu oleh Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerman Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar dan Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

#### SUARAKAN PENDAPAT SECARA MUAFAKAT

Dalam Siaran Akhbar Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat menyatakan bahawa pada tempoh tahun-tahun majlis bersidang, ia telah banyak membincangkan dan membahaskan isu-isu dan persoalan untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Di samping itu juga, persidangan ini amat bermakna bagi Negara Brunei Darussalam dalam usaha kerajaan menyediakan sebuah platform untuk menyuarakan pendapat dan masalah-masalah secara bermuzakarah dan muafakat agar persidangan dapat menjadi forum secara sihat dalam mengekalkan kesejahteraan rakyat dan

# MMN platform membincangkan isu-isu kepentingan rakyat



MENGIMBAS kembali suasana semasa berlangsungnya persidangan Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN 2016.

penduduk negara ini dan juga untuk pembangunan negara yang lebih maju dan kompetitif.

Menurut siaran akhbar tersebut, Sesi Persidangan MMN adalah terbuka kepada orang awam yang berminat untuk mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN. Ia juga boleh dihadiri oleh mana-mana institusi pendidikan yang berminat untuk memberikan pendedahan kepada penuntut-penuntut atau mahasiswa / mahasiswa dengan tatacara membincangkan ses sebuah rang undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menghadiri Sesi Persidangan MMN adalah diminta untuk mematuhi beberapa peraturan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara untuk masuk ke Dewan Majlis termasuklah peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan MMN.

#### AHLI-AHLI MMN

Persidangan tahun ini juga akan menyaksikan Ahli-Ahli MMN yang baru dilantik pada 13 Januari 2017 yang mana sebelumnya ini Ahli-Ahli MMN telah dibubarkan pada 6 Ogos 2016 setelah tamat tempoh 5 tahun.

Ahli-Ahli MMN terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Orang-Orang Bergelar, Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-Wakil Yang Dilantik Dari Daerah-Daerah.

MMN telah ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negara Brunei 1959 dan Ahli-Ahlinya dilantik menurut Bab 24. MMN telah dibubarkan pada tahun 1984 dan pada 25 September 2004, majlis ini telah mula bersidang semula. Penubuhan persidangan ini adalah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-58 Tahun pada 15 Julai 2004.

#### COKMAR

Setiap kali sebelum memulakan persidangan, kita akan menyaksikan cokmar dibawa masuk ke dalam dewan. Bagi yang belum mengetahuinya, Cokmar merupakan perhiasan perarakan bagi tanda Pembukaan Persidangan MMN mula bersidang. Ia diperbuat daripada logam perak yang diukir dengan bentuk Air Muleh, Bunga Paku-Paku, Pucuk Daun Nenas, Daun Setampik, Tampok Manggis, Buah Butun, Daun Selembar, Rawa-Rawa dan Panji-Panji Brunei yang berkoncep Melayu Islam Beraja dan diilhamkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II, Sultan Brunei Ke-28. Ketika perasmian permesyuaratan dijalankan, cokmar diangkat dan dibawa mendarului masuk ke dalam Dewan Mesyuarat, dibawa oleh Bentara dan diikuti oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diiringi oleh Yang Di-Pertua Dewan dan Jurutulis. Dalam setiap sesi permesyuaratan ataupun persidangan, cokmar akan diletakkan di tempat khas berhadapan dengan tempat duduk Jurutulis dan apabila permesyuaratan ditangguhan, cokmar akan dibawa keluar dari Dewan dan diiringi juga oleh Yang Di-Pertua Dewan dan Jurutulis. Itulah salah satu keindahan adat turun-temurun dan tradisi serta identiti keBruneian yang kitakekalkan ke hingga zaman ini. Walau berapa lama masa berlalu, namun identiti kita itu terus dapat disaksikan oleh generasi muda masa kini.

#### PETIKAN TITAH

Sebelum penulis berundur diri, mari kita imbas bersama petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN 2016 di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 Hijrah / 5 Mac 2016 Masihi :

"Beta gembira mengikuti perkembangan persidangan sejauh ini yang telah memainkan perannya dengan baik. Beta ingin mengulangi lagi betapa pentingnya perbincangan memfokus perkara-perkara strategi yang membawa impak kepada negara. Sesuai dengan namanya Permesyuaratan MMN.

Janganlah semua isu hanya dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai.

Jika belum bermakna kita masih memerlukan tindakan pembakaian. Pendek kata, apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan delivery atau delivery approach untuk mencapai hasil yang diharapkan.

Untuk itu, sangat perlu bagi ahli-ahli mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan. Mereka perlu mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan.

Beta juga suacita ingin mendengar saran-saran atau buah fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas. Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat."

**"UNTUK itu, sangat perlu bagi ahli-ahli mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan. Mereka perlu mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan. Beta juga suacita ingin mendengar saran-saran atau buah fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas. Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat."**

- Petikan titah  
**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**



COKMAR akan dibawa masuk ke Dewan Persidangan setiap kali sebelum bermulanya persidangan.

# Pelatih PKBN didedahkan aspek keagamaan

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

**TEMBURONG**, Isnin, 27 Februari. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) mengadakan Sembahyang Subuh Berjemaah bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof bersama para pegawai, jurulatih dan para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-6, bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji

Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Sembahyang Subuh Berjemaah bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah salah satu tradisi pada setiap pengambilan PKBN dan pada tahun ini julung-julung kalinya diadakan di Daerah Temburong bagi mendedahkan para Pelatih PKBN untuk sentiasa cenderung kepada aspek-aspek keagamaan dengan secara holistik dan sosial dengan menuaikan Sembahyang Subuh Berjemaah di masjid-masjid dan balai-balai ibadat.

Sejurus selepas menuaikan Sembahyang Subuh Berjemaah, Yang Berhormat serta rombongan beredar ke Kem Latihan PKBN, Batu Apoi bagi menyaksikan Upacara Menaikkan Bendera dan Menyanyikan Lagu Kebangsaan, Pembacaan Ikrar, Sorak PKBN, nyanyian lagu

'Sedia Berbakti' dan diberkati dengan bacaan doa.

Yang Berhormat seterusnya meluangkan masa menyaksikan Sesi Latihan Jasmani daripada 357 Pelatih PKBN bertempat di Padang Kompleks Sukan Batu Apoi bersebelahan Kem Latihan PKBN.

Para Pelatih Pengambilan Ke-6 berada di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi selama 100 hari bermula 4 Disember 2016 sehingga 13 Mac 2017 dengan didedahkan kepada empat komponen utama program PKBN iaitu Komponen Jati Diri, Kenegaraan dan Keagamaan, Komponen Latihan Disiplin dan Fizikal, Komponen Keusahawanan dan Komponen Khidmat Komuniti.

Majlis Sembahyang Subuh Berjemaah bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ini merupakan salah satu pengisian yang disusun menerusi komponen kenegaraan dan keagamaan, iaitu bagi mendedahkan para pelatih untuk sentiasa cenderung kepada aspek-aspek keagamaan dengan secara



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof (dua, kanan) bersama para pegawai, jurulatih dan para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-6 semasa menuaikan Sembahyang Subuh Berjemaah.

holistik dan sosial dengan menuaikan Sembahyang Subuh Berjemaah di masjid-masjid dan balai-balai ibadat.

## Muslimah berperanan sama dukung wawasan negara



ISTERI Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat semasa forum sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 bagi Kelas Bimbingan Muslimah di Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara Tahun 1438H / 2017M yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 Februari. - Dalam memberi kesedaran dan kefahaman akan peranan Muslimah bagi mendukung Wawasan Negara Brunei Darussalam, satu forum sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 bagi Kelas

Bimbingan Muslimah di Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara Tahun 1438H / 2017M diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, isteri Yang Berhormat Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kampung Serusop, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Sesi forum motivasi menampilkan tiga ahli panel, iaitu Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Ghafor; Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Hajah Aisyah Radhiah binti Haji Gani dan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Irnawati binti Haji Mahir.

Forum yang bertajuk 'Peranan Muslimah Mendukung Wawasan Negara' itu dipengerusikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Abd Malik bin Haji Jumat.

Awang Haji Ali Yusri pada forum tersebut mengongsikan antara perkara-perkara yang diingini oleh anak-anak kita terutama anak-anak remaja.

Pertama, beliau telah membuat penilaian yang paling tinggi sekali di

mana 85 peratus kalangan murid-muridnya mahu ibu bapa yang penyayang, kedua ialah ibu bapa yang dapat mendengar dan tempat mengadu nasib bila anak-anak bersedih serta boleh menangani masalah.

Jelasnya, kita adalah ibu yang hebat jika anak kita mahu mengongsikan masalah mereka kepada kita.

Beliau menambah, setiap orang harus mempunyai potensi masing-masing serta melihat pada diri kita dan sebagai Muslimah seharusnya berkongsi permasalahan masing-masing dan bertukar-tukar pandangan antara satu sama lain.

Manakala Dayang Hajah Aisyah Radhiah pula menghuraikan mengenai hadis dan Al-Quran yang menyuruh anak-anak sembahyang sedari umurnya 7 tahun kerana umur tujuh tahun adalah umur yang ideal untuk mengajarkan ilmu solat serta mereka sudah *mumayyiz*, tahu membezakan mana yang buruk dan baik.

Sembahyang itu jelasnya, adalah tiang agama dan barang siapa yang meninggalkan sembahyang maka sesungguhnya ia meruntuhkan agama. Selain menyuruh mendirikan

sembahyang katanya, ibu-ibu juga seharusnya menekankan pendidikan akhlak dan pendidikan Al-Quran.

Acara turut diserikan dengan persembahan puisi oleh Muslimah Balai Ibadat Mukim Saba, Dayang Nordiana binti Salleh.

Doa Peliharakan Sultan dan Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kampung Serusop, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Forum yang julung kalinya dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop itu bertujuan sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid di samping memupuk semangat patriotisme kepada Muslimah-muslimah serta untuk melahirkan Muslimah yang berwawasan.

Dengan adanya majlis seumpama ini diharap akan dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan Muslimah-muslimah masjid dan seterusnya dapat memberi kesedaran akan kepentingan peranan mereka dalam mendukung wawasan negara.

## Pelajar disaran jayakan Wawasan Negara 2035

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 Februari. - Matlamat yang ingin dicapai oleh Islam dalam pendidikan ialah ingin melahirkan *al-insan al-saleh* melalui pendidikan yang seimbang dan sempurna dengan memberikan penekanan kepada kedua-dua aspek, iaitu kurikulum dan gerak kerja kurikulum yang menyeluruh merangkumi aspek mental, fizikal dan rohani.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajaran Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Tema program keagamaan bagi bulan Februari ini ialah 'Peranan Pelajar dalam Menjayakan Wawasan Negara 2035' yang diselenggarakan di keempat-empat daerah yang

bermula jam 8.00 pagi bagi sekolah-sekolah ugama sesi pagi dan sekolah-sekolah Arab, dan jam 2.00 petang bagi semua sekolah-sekolah ugama seluruh daerah.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas menyelenggarakan program berkenaan yang dimulai dengan Sesi Tazkirah mengenai Adab dan Akhlak Bersama Al-Quran serta Kelebihan Majlis Khatam Al-Quran.

Program diteruskan dengan tazkirah dan diakhiri dengan membaca Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, pelajar-pelajar selaku generasi muda belia hendaklah mempunyai keazaman yang kuat, keazaman yang boleh menewaskan segala kesusahan yang dihadapi dalam

proses pembangunan wawasan negara.

Para pelajar disaran supaya menjayakan Wawasan Negara 2035, tidak melibatkan diri dengan gejala sosial, mematuhi peraturan dan undang-undang negara serta menjadi teladan yang baik kepada adik-beradik dan rakan-rakan di samping memberikan sumbangan tenaga dan fikiran dalam pendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya serta ekonomi yang dinamik dan berdaya.

Pelajar-pelajar yang berkualiti memainkan peranan yang penting dalam menjayakan wawasan negara.

Pelajar dan warga sekolah juga diingatkan agar sentiasa mengamalkan kebersihan iaitu membersihkan mulut dengan bersugi sebelum membaca Al-Quran sewajarnya kerana membaca Al-Quran perlu dalam keadaan suci daripada hadas, membaca di tempat bersih, mengadap kiblat, membaca isti'azah apabila ingin memulakan bacaan, membaca Basmalah pada awal



SEBAHAGIAN daripada murid-murid lelaki Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah yang hadir pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab Bagi Bulan Februari 1438 Hijrah / 2017 Masihi bagi Daerah Brunei dan Muara.

setiap surah kecuali surah at-Taubah

dan menghormati Al-Quran daripada melakukan perbuatan yang meremehkan Al-Quran seperti ketawa, bercakap-cakap, bermain-main dengan tangan dan memandang ke tempat

yang tidak sepatutnya.

Kelebihan orang membaca Al-Quran hingga khatam ialah 60,000 malaikat mendoakan ke atasnya dan Al-Quran itu mampu menyinarkan hati pembacanya.

# Sambutan Hari Kebangsaan diadakan di London

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Brunei Students Union dari London, United Kingdom

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Isnin, 27 Februari. - Komiti pelajar Brunei Hall dan Unit Penuntut-Penuntut di United Kingdom dan Ireland tidak ketinggalan mengibarkan bendera bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 yang telah diadakan pada 23 Februari yang lalu di ruang legar Brunei Hall, London.

Majlis tersebut adalah bagi memperingati Hari Kebangsaan Ke-33 Negara Brunei Darussalam yang bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara' adalah menjadi fokus utama pada acara tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin serta pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi, Unit Penuntut-Penuntut, Agensi Pelaburan Brunei, Kensington

Palace Garden, penuntut serta penghuni tetap Brunei Hall telah mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan beramai-ramai dan seterusnya bacaan doa dibacakan oleh Awang Muhammad Mu'iz Ehsannudin bin Haji Abu Bakar.

Ketua Pelajar Brunei Hall, Awang Muhammad Hamizan bin Haji Zaini mengingatkan para pelajar mengenai kepentingan untuk memperingati dan meraikan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang penuh bermakna dan bersejarah bagi seluruh rakyat Brunei Darussalam di mana saja mereka berada termasuklah rakyat yang berada di bumi United Kingdom.

Beliau juga turut mengingatkan kembali pergorbanan generasi terdahulu yang telah berjuang untuk memastikan anak cucu mereka (kita semua) dapat hidup dalam suasana aman dan makmur dan atas pengorbanan tersebut beliau



**PESURUHJAYA Tinggi Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin semasa bergambar ramai pada acara pengibaran bendera sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 di ruang legar Brunei Hall.**

mengharapkan para belia masa kini akan lebih bersemangat lagi untuk berbakti kepada negara dan sama-sama berganding bahu dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Klip video titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Kebangsaan Ke-33 telah pun ditayangkan bagi sama-sama mendengar dan menghayati isi kandungan titah berkenaan.

Acara diteruskan dengan bacaan

Ikran Hari Kebangsaan yang diketuai oleh Awang Muhammad Hilmi bin Latip.

Majlis diakhiri dengan nyanyian lagu patriotik dan pengibaran bendera dengan penuh semangat dan bertenaga.

## Khatam Al-Quran serikan Sambutan Hari Kebangsaan



**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Brunei Students Union dari  
London, United Kingdom

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah pegawai-pegawai dan kakitangan dari Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di United Kingdom, Unit Penuntut-Penuntut, Agensi Pelaburan Brunei, Cawangan London, Kensington Palace Garden dan penuntut-penuntut dari persekitaran London.

Majlis Khatam Al-Quran bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 juga diadakan di semua tadahan penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom dan Ireland yang tertumpu di Leeds, Nottingham, East Anglia dan Ireland.

## Jerudong Park Playground sertai RB Travel Fair

**Siaran Akhbar :** Jerudong Park Country Club

**KAMPUNG JERUDONG**, Selasa, 28 Februari. - Jerudong Park Playground (JPP) and Country Club akan menyertai RB Travel Fair buat pertama kalinya.

Menurut Siaran Akhbar JP Country Club, mereka akan menyertai RB Travel Fair Ke-12 di Belait di Pusat Insani, Seria pada 4 hingga 5 Mac ini.

JPP mempunyai tawaran istimewa bagi paket keluarga dengan potongan 40 peratus bagi yang bermastautin dan tidak bermastautin. Dengan hanya BND24 untuk bermastautin dan BND30 untuk tidak bermastautin.

Sementara itu, JP juga mempunyai tawaran tiket diskon khas dari harga biasa untuk orang dewasa dan kanak-kanak, hanya BND11 untuk dewasa dan BND6 untuk kanak-kanak.

Bagi yang tidak bermastautin boleh menikmati harga hanya dengan BND15 untuk dewasa dan BND8 untuk kanak-kanak.

Manakala JP Merchandise juga akan menawarkan harga diskon istimewa, iaitu 20 peratus. Membawa pulang tumbler, self-stirring mug, kipas led mini atau payung untuk kunjungan awda yang seterusnya.

Dapatkan baju 'T' atau topi Supakarts pada tawaran istimewa, tertakluk kepada terma dan syarat. Tawaran adalah terhad hanya di RB Travel Fair sahaja.

## Utamakan keselamatan di tempat kerja

**Siaran Akhbar dan Foto :** Jabatan Percetakan Kerajaan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Februari. - Sebagai sebahagian dari usaha untuk memupuk keselamatan di tempat kerja dan kesihatan sebagai satu budaya kerja dalam kalangan kakitangan, Jabatan Percetakan Kerajaan sedang menjalankan Minggu Kesedaran Keselamatan Tempat Kerja yang Ke-3 bermula dari 27 Februari sehingga 6 Mac ini.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Percetakan Kerajaan, salah satu program yang dijalankan pada majlis itu ialah Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Makmal Klinikal.

Aktiviti lain termasuk Manual Pengendalian dan Ergonomik, First Aid dan Taklimat Keselamatan Kimia yang dikendalikan oleh Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan.

**SEBAHAGIAN** daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Percetakan Kerajaan menderma darah pada kempen tersebut.



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

### PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 17/02/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 01 MAC 2017

TARIKH TUTUP: 15 MAC 2017

1. PENOLONG PENGARAH PERCETAKAN  
B.2 EB.3 / B.2  
BAHAGIAN II  
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
KEKOSONGAN 1

#### UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

#### HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



TABUNG AMANAH PEKERJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN

TENDER NO : TAP/FIN/04.8/RFQ/16-17:002

#### REQUEST FOR TENDER

#### RENEWAL OF INSURANCE FOR SURVIVORSHIP BENEFIT OF SUPPLEMENTAL CONTRIBUTION PENSION (SCP)

1. Tabung Amanah Pekerja (TAP) invites tender submissions from reputable local companies to undertake the renewal of insurance for survivorship benefit of Supplement Contribution Pension (SCP)..

2. The Tender Document and details can be obtained from :

Procurement Unit  
Tabung Amanah Pekerja  
Tingkat 14

Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB)  
Jalan Kianggeh  
Bandar Seri Begawan, BSB8111  
Brunei Darussalam

Collection time: Monday – Thursday, Saturday (8:00 – 11:30 AM and 2:00 – 3:30 PM)

3. Local companies with at least 3 years experience in implementing the above mentioned service locally is a pre-requisite.

4. The Tender Document fee is BND2,000.00 and shall be payable to TAP upon collection of Tender Document. The Tender Document fee shall be paid to TAP and is non-refundable.

5. Deadline for payment of non-refundable Tender Document fee and issuance of Tender Document is no later than 3.00PM on **Wednesday, 15 March 2017**.

6. All submission must be submitted into TAP Tender Box to the address below no later than 2.30PM on **Wednesday, 22 March 2017**.

7. The Completed Tender Document must be submitted in a sealed envelope and clearly marked:

Jawatankuasa Tender dan Sebutharga  
Tabung Amanah Pekerja  
Tingkat Bawah  
Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB)  
Jalan Kianggeh  
Bandar Seri Begawan, BSB8111  
Negara Brunei Darussalam.

8. For further inquiries, please contact Procurement Unit at +673 2382929 ext. 708 or email to [tender@tap.com.bn](mailto:tender@tap.com.bn).



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

TAJUK TAWARAN :  
UNISSA/SB0157/2016/2017  
TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI BAGI TEMPOH  
TIGA (3) TAHUN

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi :

BAHAGIAN KEWANGAN  
TINGKAT 1  
BANGUNAN PENTADBIRAN  
DAN KEWANGAN  
SIMPANG 347,  
JALAN PASAR BAHARU  
GADONG, BE1310  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

3. Pada waktu-waktu seperti berikut :

Isnin hingga Khamis  
8.30 Pagihingga 11.00 Pagih  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.30 Pagihingga 10.00 Pagih

4. Yuran tawaran adalah **BND100.00 sahaja** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang

tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disedia di Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran dan Kewangan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan dialamatkan kepada :

Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil  
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A'  
Block A, Tingkat 1  
Lapangan Terbang Lama Berakas  
Bandar Seri Begawan BB3510  
Negara Brunei Darussalam.

6. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Pada sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

7. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **14 Mac 2017, Selasa, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

8. Sijil pendaftaran syarikat dari Pejabat Peguam Negara (*Form 16* dan *17 / Form X*) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.


**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BIL NAMA PROJEK**  
**1 TAWARAN BILANGAN JDBM / Q /**  
**11 / 2017**

**TAWARAN**  
**PENSWASTAAN KERJA-KERJA  
PEMBERSIHAN DAN PEMELIHARAAN  
BANGUNAN DAN KAWASAN-  
KAWASAN PERSEKITARAN PASAR  
PANTAI JERUDONG, MUKIM  
SENGKURONG,**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Pemborong - Pemborong yang berkebolehan dan mempunyai Sijil Pendaftaran Kelas I dan II yang sah dan Sijil Pendaftaran Peniagaan "Section 16 dan 17".
2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Tingkat 1 Bangunan Baru Jabatan Daerah Brunei dan Muara,

Negara Brunei Darussalam dengan bayaran **BND10.00 (Ringgit : Sepuluh Sahaja)** secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan).

3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenal pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan nama projek.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :-

**Peti Tawaran**  
**Bahagian Kewangan Tingkat 1**  
**Bangunan Baru**

**Jabatan Daerah Brunei Dan Muara**  
**Lapangan Terbang Lama Berakas**  
**Negara Brunei Darussalam.**

**TIDAK LEWAT HARI SELASA,  
14 MAC 2017, JAM 2.00 PETANG**

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
DI DALAM KELAS : IV DAN V SAHAJA  
KATEGORI :  
(KA01 & S02 SAHAJA) - (KOD BARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
14 MAC 2017 (HARI SELASA)**

**TARIKH TUTUP :**  
**28 MAC 2017 (HARI SELASA)**  
**TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG**

**BIL. : JKR/DWS/007/2017**

**NAMA PROJEK:**  
**KONTREK PENGGAL BAGI  
KERJA-KERJA OPERASI LOJI  
RAWATAN AIR BUKIT BARUN,  
TUTONG**

**YURAN TAWARAN : B\$500.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**  
**YURAN E-DOKUMEN : -**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau

dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait,

Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.


**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran** serta **tarikh tutup** tawaran, iaitu tanpa menunjukkan identiti pengirim.

3. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (*Business names of Enactment Section 16 & 17*) atau *List of Directors* dan salinan kad pengenalan.

4. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di

**Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan dan dialamatkan kepada :**

**Pengerusi,  
Jawatankuasa Meneliti Tawaran  
dan Sebut Harga**  
**Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam.**

**TAJUK :**  
**BIL. 1 PERMOHONAN CADANGAN  
(REQUEST FOR PROPOSAL) TAWARAN  
PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN**

**BAGI GERAI RAMADHAN**

**1438H / 2017M**

**BILANGAN TAWARAN :**

**JBBSB/SH/2016-2017/31/UPA**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**Hari Selasa, 28 Mac 2017, jam 2.00 Petang**

Bayaran menyertai tawaran ini ialah **BN12.00** bagi setiap satu tawaran, iaitu caj sebanyak **BND2.00** bagi **pendaftaran** dan **BND10.00** bagi **yuran pentadbiran** dan bayaran ini tidak dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibayar di :

**Bahagian Kaunter  
Perkhidmatan Pelanggan**  
**Tingkat 3**

**Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan**  
**Jalan Perdana Menteri, BA1512**  
**Bandar Seri Begawan**  
**Negara Brunei Darussalam.**

5. Borang tawaran bolehlah didapatdi **Tingkat 2, Unit Pengurusan Aset, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, semasa waktu pejabat dibuka dengan menunjukkan bayaran resit asal.**

6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.

7. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

**Waktu bagi menerima bayaran :**  
**Isnin hingga Khamis**  
**8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari**  
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**  
**Jumaat**  
**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**  
**2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa

yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelahkiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindf.gov.bn>.


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN :**  
**MINDEF/DFA/RC/248 (2)**  
**DAILY HOUSEKEEPING TERM**  
**CONTRACT FOR**  
**DEFENCE ACADEMY ROYAL BRUNEI**  
**ARMED FORCES**  
**(DA RBAF), KG. TANAH JAMBU,**  
**BRUNEI MUARA,**  
**MINISTRY OF DEFENCE -**  
**TWO (2) YEARS CONTRACT.**  
**BAYARAN TAWARAN**  
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian

Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Hari Selasa, 21 Mac 2017**. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran (Blok 'D'), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan pada hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada **27 Februari 2017**.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

# Sesi Perkongsian ACPA bantu meningkatkan mutu kerja



KUMPULAN Syura BMT dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengongsikan kertas projek bertajuk 'Pemodenan Sistem Bermesyuarat' pada majlis tersebut.

## Bekas pekerja Syarikat Minyak Brunei Shell bersalah

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Februari. - Seorang warganegara tempatan dan bekas pekerja Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad yang berjawatan 'Production Foreman' di Bahagian Production Operation (POP), Awang Rosli bin Haji Simon telah didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas 11 pertuduhan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggah 131) dan hukuman di bawah Bab 7(1) di bawah Akta yang sama.

Menurut Siaran Akhbar Biro Mencegah Rasuah (BMR), siasatan yang dijalankan oleh BMR, mendapati bahawa di antara Oktober sehingga November 2005 tertuduh secara tidak jujur telah menerima suapan berjumlah BND65,800.00 (enam puluh lima ribu, lapan ratus ringgit Brunei) daripada Steve Liew, iaitu seorang jurujual daripada Syarikat Musfada Enterprise, salah sebuah syarikat pembekal Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. sebagai ganjaran untuk membuat pesanan

bagi pembeli produk-produk yang merupakan sebahagian daripada kontrak dengan Syarikat Minyak Brunei.

Hakim Majistret Kanan, Yang Arif Pengiran Masni bin Pengiran Baha telah menjatuhkan hukuman enam tahun penjara bagi setiap pertuduhan yang mana dijalankan secara serentak berkuat kuasa pada hari ini.

Di samping itu, Mahkamah juga mengarahkan tertuduh untuk membayar denda sebanyak BND65,800.00 dalam tempoh tiga bulan dan jika gagal, tertuduh dikenakan hukuman penjara tambahan selama tiga bulan.

Mahkamah juga mengarahkan tertuduh untuk membayar kos pendakwaan sebanyak BND200,000.00 dalam tempoh tiga bulan dan jika gagal, tertuduh dikenakan hukuman penjara tambahan selama tiga bulan.

Pihak pendakwaan telah diketuai oleh Mr. Hri Kumar daripada Drew & Napier Singapura bersama-sama dengan pegawai-pegawai daripada Pejabat Peguam Negara.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Februari. - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis Sesi Perkongsian Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) 2016.

Majlis tersebut adalah sebagai salah satu langkah berterusan bagi program ini, yang bertujuan untuk mengongsikan beberapa kertas projek dan kertas cadangan yang telah dikenalpasti dan berpotensi untuk dapat dijadikan sebagai rujukan atau contoh yang boleh diaplikasikan sebagai inisiatif ataupun best practice di jabatan atau kementerian.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh MSD, wakil dari setiap kementerian dan jabatan kerajaan serta syarikat-syarikat dan badan-badan persatuan telah dijemput untuk menghadiri Sesi Perkongsian tersebut yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Bahirah, Jabatan Audit, JPM, di sini.

Sesi Perkongsian tersebut dimulakan dengan kertas projek daripada Kumpulan Syura BMT dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, JPM dengan kertas kerja bertajuk

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Pemodenan Sistem Bermesyuarat'.

Projek ini diharapkan akan dapat membantu memberikan pendedahan dalam meningkatkan mutu kerja dan memanfaatkan penggunaan teknologi dalam pengendalian mesyuarat.

Selain itu, projek ini telah mampu mempercepatkan dan memudahkan proses penyediaan dan pengendalian mesyuarat sejak dengan perkhidmatan awam yang berinovatif dan dinamik.

Seterusnya sesi perkongsian kertas projek Kumpulan 2G (Go Green) dari Jabatan Mekanikal dan Elektrikal, dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dengan kertas projek bertajuk 'Pengurangan Penggunaan Tenaga Elektrik di bangunan-bangunan Kerajaan'.

Projek ini telah mengambil langkah-langkah penjimatkan tenaga bagi memastikan bangunan kerajaan di negara ini bercirikan hijau (jimat tenaga) dari sudut reka bentuk, pembinaan dan seterusnya operasi

bangunan.

Tujuan utama projek ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan penggunaan tenaga yang berlebihan di bangunan-bangunan kerajaan, disamping mendidik pengguna-pengguna untuk mengelakkan pembaziran tenaga dan menggunakan tenaga dengan efisien.

Setelah itu diikuti dengan sesi perkongsian kertas kerja projek Kumpulan UPPA KHEU dari Jabatan Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan tajuk kertas projek 'Khidmat Bantu Solat Pesakit Dihospital-hospital Kerajaan Negara Brunei Darussalam'.

Projek ini adalah merupakan salah satu usaha pihak KHEU dalam menyumbang khidmat kemasyarakatan khususnya dalam memberi bantuan dan bimbingan kepada pesakit-pesakit dalam menunaikan tuntutan ibadat sembahyang sesuai dengan tuntutan syariat dengan keadaan dan kemampuan pesakit.



MAJLIS Sesi Perkongsian Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam 2016 dihadiri oleh wakil-wakil dari kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta syarikat-syarikat dan persatuan yang dijemput.

## Bimbing pesakit tunai sembahyang



KETUA Pegawai Perkhidmatan Pengurusan, Dayang Hajah Siti Mariana binti Abdullah semasa menyampaikan taklimat.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Februari. - Perkongsian Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) adalah salah satu langkah berterusan dan inisiatif Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) untuk mengongsikan beberapa kertas projek dan kertas cadangan yang telah dikenal pasti dan berpotensi

untuk boleh dijadikan sebagai rujukan atau contoh yang boleh diaplikasikan sebagai inisiatif ataupun best practice di jabatan atau kementerian.

Sehubungan itu, Sesi Perkongsian ACPA 2016 yang berlangsung di Dewan Bahirah, Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri (JPM) itu diteruskan lagi pada sebelah petang

oleh Kumpulan Unit Pembaharuan Perkhidmatan Awam (UPPA), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dari Jabatan Pentadbiran KHEU.

Kumpulan tersebut membentangkan kertas projek bertajuk 'Khidmat Bantu Solat Pesakit di Hospital-Hospital

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Kerajaan Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, KHEU, Pengiran Hajah Norasmawati binti Pengiran Haji Ahmad.

Beliau antara lain menghuraikan definisi projek yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan bantuan, bimbingan, pendidikan, penerangan sembahyang kepada pesakit secara teori dan praktikal, iaitu dengan membantu berwuduk, bertayammum, melaksanakan sembahyang sesuai dengan kaedah dan sakit, membimbing bacaan dalam sembahyang.

Seterusnya, amalan perubatan atau rawatan kepada Muslim mestilah jelasnya, meliputi empat elemen antaranya fizikal, psikologi, mental dan rohani.

Menurut beliau, objektif projek tersebut adalah untuk mengubah fahaman / pradigma 'cuti sembahyang semasa sakit' yang mana sembahyang itu tetap wajib dilaksanakan selagi masih mempunyai akal.

Lebih 150 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan mewakili agensi-agensi kerajaan, Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP), Badan-badan Persatuan mengikuti perkongsian tersebut.

Terdahulu, Ketua Pegawai Perkhidmatan Pengurusan, Dayang Hajah Siti Mariana binti Abdullah berharap akan dapat memanfaatkan ilmu, nilai dan faedah melalui projek-projek yang disampaikan dalam sesi perkongsian berkenna.

# Anggota polis perlu memiliki akhlak baik



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Temburong, Penguasa Polis Awang Suhari bin Haji Sukri (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Ugama bagi memeriahkan Sambutan Hari Polis ke-96 Tahun di Dewan Serbaguna, Kompleks Bumiputera, Pekan Bangar.

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

**PEKAN BANGAR**, Selasa, 28 Februari. - Daerah Polis Temburong hari ini mengadakan Ceramah Ugama

bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Polis ke-96 Tahun yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks

Bumiputera, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Penguasa Polis Awang Suhari bin Haji Sukri.

Turut hadir pegawai serta anggota Daerah Polis Temburong, Ketua-ketua

Cawangan Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Temburong, Ketua-ketua Kampung dan ahli-ahli Pengawasan Kejiranian di Daerah Temburong.

Penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuadi bin Haji Abdullah antara lain menyentuh mengenai tema Sambutan Hari Polis tahun ini, 'Perpaduan dan Keharmonian Mengukuhkan Keamanan', menjelaskan bahawa perpaduan yang dimaksudkan itu ialah bagaimana kita boleh bersatu untuk menegakkan, membela dan menjadikan negara kita menjadi sebuah negara yang dipandang tinggi di mata dunia sebagai sebuah negara yang aman makmur.

Di dunia ini tambahnya, memang banyak negara yang *Baldatun Tayyibah* atau negara baik, tetapi sebenarnya yang lebih susah dicapai adalah *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*, negara yang baik yang mendapatkan keampunan dari Allah Subhanahu Wata'alaa.

Dalam mencapai perpaduan dan keharmonian di dalam konteks Pasukan Polis Diraja Brunei, terutama sebagai seorang yang berugama Islam, jelas Drs. Haji Ismuadi lagi perkara pertama yang perlu dilakukan ialah menyuburkan keimanan serta keyakinan kepada Allah Subhanahu Wata'alaa dengan tidak meninggalkan solat.

Kedua tambahnya anggota polis

perlulah memiliki akhlak yang baik untuk ditunjukkan kepada masyarakat dan yang ketiga hendaklah sentiasa berusaha dan berdoa manakala yang keempat haruslah sentiasa bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'alaa.

Disebabkan rakyat dan penduduk di negara ini taat kepada Allah, Rasul serta kepada raja, maka Allah Subhanahu Wata'alaa akan sentiasa memberikan keberkatan kepada negara kita tambahnya.



PENCERAMAH undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuadi bin Haji Abdullah, menghuraikan mengenai tema Sambutan Hari Polis Ke-96 pada tahun ini, iaitu 'Perpaduan dan Keharmonian Mengukuhkan Keamanan'.

## Jabatan Urusan Haji terima penghargaan



WAKIL dari Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (kiri) menerima anugerah penghargaan dan trofi tersebut yang diserahkan oleh Ahli Majlis Muassasah Dalam Hal Ehwal Pengerusan Haji, Ketibaan dan Pergerakan Jemaah, Safi Azhari.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei

Darussalam melalui Jabatan Urusan Haji telah menerima penghargaan buat kali kedua daripada Muassasah

Jemaah Haji Asia Tenggara (The Establishment of Southeast Asia Hajj Pilgrims), Mekkah Al-Mukarramah atas kejayaan Jabatan Urusan Haji, KHEU, Negara Brunei Darussalam dalam urusan-urusan hal ehwal haji pada Musim Haji 1437 Hijrah / 2016 Masih yang lalu.

Menurut Siaran Akhbar KHEU, penyampaian penghargaan dan trofi tersebut diserahkan oleh Ahli Majlis Muassasah Dalam Hal Ehwal Pengerusan Haji, Ketibaan dan Pergerakan Jemaah, Safi Azhari.

Majlis berlangung pada hari Ahad, 19 Februari lalu di Pejabat Muasasah Jemaah Haji Asia Tenggara, Mekkah Al-Mukarramah.

Terdahulu, telah berlangsung perundingan antara Pemangku Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad bersama Pengerusi Majlis Muassasah Jemaah Haji Asia Tenggara, Mohamad Amin Andargiri mengenai pengurusan haji bagi tahun 1438H / 2017M, diikuti dengan kedua-dua pihak telah menandatangani Kesepakatan Pengurusan Haji Negara Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1438H / 2017M.

Turut hadir ialah Timbalan Pengerusi Majlis Muassasah Jemaah Haji Asia Tenggara, Dr. Yusof Jaha dan Ahli-Ahli Majlis Pentadbiran Muassasah.

Tiga (3).

Sementara itu, 70 daripada 144 buah sekolah / pusat peperiksaan yang mendaftar bagi peperiksaan tersebut, 48.61 peratus telah berjaya memperoleh pencapaian 100 peratus lulus iaitu peningkatan sebanyak 8.33 peratus berbanding tahun 2015.

Calon-calon yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip penyataan keputusan mereka di sekolah ugama masing-masing mulai hari Rabu, 1 Mac 2017M bersamaan 2 Jamadilakhir 1438H mulai jam 1.30 petang.

## Derma darah mampu selamatkan nyawa



SAHAL seorang penderma darah yang berkesudian menderma darah pada kempen berkenaan.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Februari. - Menderma darah merupakan salah satu amalan mulia kerana ia boleh membantu mereka yang memerlukan seperti penghidap penyakit kronik.

Inisiatif menderma darah yang buat julung-julung kalinya diadakan di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia, anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan di Zon 1A.

Imam masjid berkenaan, Awang Haji Hassan bin Haji Lusin ketika ditemui berkata, kempen yang diselenggarakan itu akan memberi kemudahan, terutamanya kepada para penduduk Kampung Setia A dan B serta kawasan sekitarnya untuk sama-sama menderma darah bagi keperluan orang lain yang amat memerlukannya.

Aktiviti yang murni itu tambahnya, bersempena menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 dan ia akan dijadikan sebagai salah satu program kalender tahunan masjid tersebut.

Sementara salah seorang pegawai di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) antara lain berkata setiap penderma terlebih dahulu dibuat pemeriksaan seperti bacaan tekanan darah (*blood pressure*) dan kandungan darah (*hemoglobin*) yang mencukupi.

Melalui aktiviti menderma darah itu katanya mempunyai kelebihan, antaranya boleh membakar 500 - 600 kalori bagi setiap sesi pendermaan dibuat.

Selain setiap penderma darah boleh menyelamatkan tiga nyawa, beliau juga menyatakan darah-darah yang didermakan itu juga bagi para pesakit di hospital yang memerlukan darah setiap hari.

Dengan menderma darah juga, badan akan merasa lebih sihat dan cergas.

## Seramai 4,812 calon lulus Peperiksaan SSSRU Tahun 1437H / 2016M

Siaran Akhbar : Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Februari. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei, telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) (Darjah VI) bagi Tahun 1437H / 2016M.

Dari seramai 5,108 orang calon yang menduduki Peperiksaan SSSRU

(Darjah VI) Tahun 1437H / 2016M, seramai 4,812 orang calon telah lulus dengan peratus pencapaian sebanyak 94.21 peratus, iaitu meningkat sebanyak 1.16 peratus berbanding pencapaian calon tahun 2015.

Daripada jumlah tersebut, seramai 3,409 calon (66.74 peratus) memperolehi pangkat Satu (1), 811 calon (15.88 peratus) memperoleh pangkat Dua (2) dan 592 (11.59 peratus) calon memperoleh pangkat

# Prosedur import, eksport komoditi pertanian terus dibarigakan



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.**

**Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain**

**TEMBURONG**, Isnin, 27 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah melaratkan lagi Jerayawara Kesedaran Awam Mengenai Prosedur Pengimportan dan Pengeksportan Komoditi-Komoditi Pertanian, Perikanan serta Perhutanan ke Daerah Temburong setelah diadakan di ketiga-tiga daerah yang lain sebelumnya.

Jerayawara yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Bumiputera Pekan Bangar di sini menyaksikan beberapa sesi taklimat serta penerangan yang telah disampaikan oleh para pegawai daripada KSSUP kepada orang ramai, khususnya para pengusaha, pengimport dan pengeksport di Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa.

Jerayawara turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari agensi-agensi penguatkuasaan di Daerah Temburong, para pengusaha pertanian, perikanan dan perhutanan khususnya para pengusaha pengimport dan pengeksport yang menetap di daerah ini.

Jerayawara tersebut memberikan penjelasan tentang prosedur dan peraturan mengimport serta mengeksport komoditi-komoditi pertanian, perikanan dan perhutanan termasuklah bahan-bahan yang berkaitan dengannya seperti baja, racun kimia pertanian, makanan ternakan, produk-produk perikanan,

produk-produk perhutanan dan sebagainya.

Taklimat yang diberikan juga menjelaskan tentang prosedur pindah alih (transit) bagi komoditi pertanian, perikanan dan perhutanan di antara Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara melalui Sarawak. Selain itu, jerayawara juga bertujuan untuk mengurangkan keskes ketidakpatuhan (*non-compliance*) dalam proses import dan eksport komoditi pertanian, perikanan serta perhutanan terutama keskes seperti yang pernah terjadi sebelumnya di pos-pos kawalan darat, lapangan terbang, pelabuhan dan melalui mel udara.

Syarat-syarat import dan eksport bagi komoditi-komoditi pertanian, perikanan dan perhutanan yang diterangkan tersebut, adalah berpandukan kepada langkah-langkah Sanitary and Phytosanitary (SPS) antarabangsa yang telah ditetapkan oleh pertubuhan-pertubuhan seperti World Organisation for Animal Health (OIE), International Plant Protection Convention (IPPC) dan CODEX Alimentarius. Penerangan yang disampaikan adalah dikhushuskan kepada orang ramai terutamanya kepada pengusaha-pengusaha tempatan, syarikat-syarikat pengimport dan pengeksport komersil serta agensi-agensi penguatkuasaan yang bertugas di pos-pos kawalan rentas sempadan khusus di Daerah Temburong.

Taklimat juga menjelaskan bahawa kuantiti pengimportan serta pengeksportan komoditi-komoditi pertanian, perikanan serta perhutanan adalah tertakluk kepada syarat-syarat import dan eksport yang telah ditetapkan oleh jabatan-jabatan yang terlibat di bawah KSSUP.

Seperi juga di Daerah Belait sebelumnya, taklimat meliputi kepentingan untuk mendapatkan Sijil Kesihatan Haiwan (Veterinary Health Certificate) dan Sijil Fitosanitari atau Sijil Kesihatan Tumbuhan (Phytosanitary Certificate) daripada pihak-pihak yang berwajib di negara-negara pengeksport. Dokumen berkenaan merupakan pengesahan atau jaminan daripada negara pengeksport bahawa komoditi pertanian, perikanan atau perhutanan yang di eksport ke Negara Brunei Darussalam adalah selamat dan bebas daripada sebarang penyakit, agen pembawa penyakit atau musuh perosak tumbuhan. Selain daripada

permit atau lesen import, dokumen ini juga sangat penting untuk disertakan semasa mengisyiharkan komoditi pertanian, perikanan dan perhutanan yang diimport melalui pos-pos kawalan.

Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh KSSUP dalam menyediakan syarat-syarat pengimportan adalah bagi meningkatkan tahap keselamatan makanan bagi orang ramai serta memastikan tiada ancaman-ancaman negatif terhadap industri pengeluaran komoditi pertanian, perikanan serta perhutanan tempatan. Ancaman-ancaman seperti penyakit tumbuhan atau haiwan, agen-agen pembawa penyakit atau musuh perosak yang diperolehi daripada komoditi-komoditi yang diimport. Salah satu langkah yang dimaksudkan adalah kepentingan untuk mendapatkan permit atau lesen import dan eksport bagi memudahkan proses kemasukan dan pengeluaran komoditi-komoditi pertanian, perikanan serta perhutanan melalui pos-pos kawalan di negara ini.

Prosedur pemeriksaan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan yang berkaitan di pos-pos kawalan juga adalah merupakan langkah kawalan yang bersistematis serta berkesan dalam mencegah kemasukan ancaman-ancaman negatif tersebut.

Secara amnya, permit atau lesen import akan dikeluarkan tertakluk kepada jenis komoditi atau barang yang akan diimport dan tujuan pengimportannya, secara persendirian atau komersil. Bagi pengimportan komoditi pertanian, perikanan dan perhutanan secara komersil, proses permohonan permit atau lesen import boleh dilaksanakan melalui perkhidmatan online BDNSW (Brunei Darussalam National Single Window).

Darussalam National Single Window) dengan melayari laman sesawang di [www.bdsw.gov.bn](http://www.bdsw.gov.bn).

Bagi pengimportan dan pengeksportan persendirian komoditi pertanian dan perikanan serta pengeksportan secara komersil komoditi perikanan orang ramai bolehlah memohon permit dan lesen eksport melalui kaedad online di <http://biz.bruneimpr.gov.bn/eMIPR> atau melayari laman sesawang [www.mpri.gov.bn](http://www.mpri.gov.bn). Manakala, bagi pengimportan untuk persendirian dan pengeksportan produk perhutanan (sama ada untuk persendirian atau komersil), orang ramai boleh memohon permit melalui kaunter Permit & Lesen di Tingkat 2, Ibu Pejabat Perhutanan, di KSSUP. Dokumen-dokumen bagi permit atau lesen import dan eksport yang telah diluluskan akan dikeluarkan oleh pihak agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan orang ramai bolehlah mengambilnya di tempat-tempat yang telah disediakan serta menjelaskan kadar bayaran yang telah ditetapkan.

Salah seorang pesara kerajaan yang mengusahakan kebun-kebun buah-buahan, Awang Haji Nispu bin Haji Tahir semasa ditemui melahirkan kesyukuran dengan adanya penganjuran jerayawara seumpama ini, yang menurutnya banyak memberikan informasi berguna khususnya membantu pengusaha-pengusaha pertanian, perikanan dan perhutanan di Daerah Temburong di samping dapat mengetahui peraturan-peraturan terkini yang perlu dipatuhi semasa membawa masuk komoditi pertanian mahupun perikanan dari negara jiran sama ada untuk kegunaan sendiri mahupun bagi tujuan komersil.

Peraturan-peraturan prosedur pengimportan komoditi-komoditi ini tambahnya, sememangnya penting untuk diketahui terutama oleh para pengusaha terutama dalam meningkatkan tahap keselamatan makanan bagi orang ramai yang membelinya.

Jerayawara yang diungkayahkan diharap akan dapat menyerapkan dan membarigakan dengan jelas tentang kepentingan serta tatacara pengimportan dan pengeksportan seperti prosedur permohonan permit atau lesen import dan eksport.

Ia juga diharap akan dapat menambah kefahaman tentang betapa pentingnya mematuhi syarat-syarat yang telah disediakan oleh kerajaan bagi memudahkan urusan pengimportan dan pengeksportan komoditi-komoditi pertanian, perikanan dan perhutanan sama ada secara persendirian ataupun komersil.



**BEBERAPA** taklimat telah disampaikan oleh Pegawai-Pegawai Kanan daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan.

## SR Pehin Dato Jamil terima pelawat

**Berita dan Foto : Ihsan Jabatan Sekolah-Sekolah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 Februari. - Delegasi seramai 27 orang dari Majlis Guru Besar Hulu Langat, Selangor, Malaysia telah mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah (SR) Pehin Dato Jamil.

Ketibaan mereka dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah, Dayang Norsalijah binti Haji Md. Ali dan Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji

Asli bin Haji Mamut.

Antara lain objektif lawatan ialah untuk membina jaringan pendidikan di antara sekolah rendah di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam dan berkongsi amalan-amalan terbaik pentadbiran.

Delegasi dari Selangor tersebut akan meneruskan lawatan ke SR Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong pada hari Selasa.



**DELEGASI** dari Majlis Guru Besar Hulu Langat, Selangor, Malaysia bergambar ramai.

# Pemenang Minda Pembaca!



## Berbudi pada tanah, pasti akan mendapat hasilnya

**DENGAN** kos sara hidup semakin meningkat dari tahun ke tahun berbagai-bagai usaha perlu diusahakan oleh masyarakat dalam menangani masalah seumpama ini seperti mengusahakan tanah lapang di kawasan rumah kita dengan berkebun, bak kata orang berbudi pada tanah, pasti akan mendapat hasilnya. Di samping itu, usaha ini juga dapat menggalakkan masyarakat untuk menjalani cara hidup sihat dengan memakan sayur-sayuran segar apatah lagi ia hasil dari tanaman sendiri.

Dengan menanam sendiri sayur-sayuran atau tanaman makanan di sekitar kediaman secara tidak langsung akan dapat mengurangi beban

kenaikan kos sara hidup. Selain itu, faedah menanam sayur-sayuran juga dapat menyihatkan tubuh badan. Sebagai contoh, kerja-kerja menyiram tanaman dan mencabut rumput-rumput sekitar kebun dan sebagaianya boleh menyebabkan seseorang itu berpeluh. Secara tidak langsung ia akan menyengkirkan toksik berlebihan dari badan. Kegiatan ini juga akan melancarkan sistem pengaliran darah dalam badan serta mendorong kepada pembentukan minda yang cerdas.

Di samping itu, berkebun sayur-sayuran juga dapat mengelakkan tanah atau kawasan lapang di sekitar rumah tidak terbiar. Secara tidak langsung

kawasan lapang tersebut akan nampak lebih nyaman mata memandang dengan adanya tumbuh-tumbuhan menghijau. Suasana ini akan menggalakkan golongan muda untuk turut sama bercucuk tanam agar mereka tidak mengisikan masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Dengan aktiviti ini juga kita juga dapat meluangkan masa bersama ahli keluarga menerusi kegiatan menanam sayur-sayuran di kawasan rumah. Dalam hal ini, ia akan dapat mengeratkan hubungan keluargaan serta kemauafakan.

Kegiatan bercucuk tanam di kawasan rumah juga akan dapat menjimatkan perbelanjaan harian melalui hasil tanaman sayur-sayuran. Dalam hal ini, setiap ahli keluarga akan dapat menikmati hasil tanaman yang segar, berkhasiat serta bebas daripada bahan kimia yang berlebihan yang boleh menjadikan kesihatan. Selain itu, ia juga mengurangkan kita daripada berbelanja ke pasar untuk membeli sayur-sayuran. Pada masa sama, langkah berjimat cermat dalam

perbelanjaan turut dapat dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan hidup. Jika kegiatan bertanam sayur-sayuran ini dikembangkan lagi, maka ia dapat memberikan pulangan lumayan serta boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan keluarga.

Oleh yang demikian, setiap lapisan masyarakat di negara ini hendaklah menanamkan kesedaran tentang kepentingan berbakti kepada tanah. Hal ini secara tidak langsung akan mewujudkan kehijauan alam sekitar kita dan sayur-sayuran yang ditanam juga memberikan faedah untuk kesihatan kita. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menikmati hasil bumi dengan titik peluh sendiri.

**Nama : Dayangku Siti Rokiah binti Pengiran Haji Mohiddin**  
**No. K/P : 01-074911 (K)**  
**Alamat : No. 10, Simpang 82, Jalan 39, RPN Kampung Rimba Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Kesedaran Bahaya Penyakit Kanser'. Tarikh Tutup : 1 Mac 2017
2. 'Sektor Perikanan Mampu Lonjak Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 8 Mac 2017
3. 'Bersatu Padu Jayakan Wawasan Negara 2035'. Tarikh Tutup : 16 Mac 2017

### Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**  
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**  
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**  
**Bandar Seri Begawan, BB3510**  
**Negara Brunei Darussalam.**  
**atau melalui**  
**E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: **pelita.brunei@information.gov.bn**

## Manfaatkan Facebook untuk dakwah

**A**PLIKASI Facebook sudah tidak asing lagi di dunia maya kita pada masa ini. Aplikasi ini memberikan kemudahan kepada penggunaannya sebagai alat penghubung atau bersempang-semang dengan rakan-rakan lama dan baharu. Ini terpulanglah kepada pengguna Facebook sama ada menggunakannya ke arah kebaikan atau sebaliknya.

Memanfaatkan Facebook untuk dakwah Islamiah adalah satu permainan yang paling baik bagi pengguna-pengguna Muslim khususnya. Dakwah atau nasihat-nasihat keagamaan melalui Facebook boleh memberikan kesedaran kepada mereka yang menerima sama ada melalui *inbox* atau melalui *link* mereka. Oleh itu, jadilah orang yang bermanfaat bagi orang lain apa lagi dalam masalah keagamaan yang mendatangkan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Al-Bani telah meriwayatkan dalam sebuah hadis dari Jabir bin Abdullah, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sebaik-baik manusia adalah yang paling memberikan manfaat bagi orang lain."

Hadir ini menjelaskan kepada kita bahawa, apa jua perkara kebaikan dan yang berkaitan dengan agama yang disampaikan sama ada melalui Facebook dan ap likasi yang lainnya seperti WhatsApp, Twitter dan sebagainya untuk tujuan dakwah, nasihat atau bimbingan agama Islam dan disampaikan kepada orang lain sama ada teman rapat, rakan sepejabat, saudara-mara, adik-beradik dan sebagainya adalah dianggap sebaik-baik manusia.

Dengan menggunakan aplikasi Facebook secara berhemah, jujur dengan niat yang baik untuk menyebarkan petunjuk syiar Islam dan bukannya untuk memburuk-burukkan atau menghinanya, mengumpat dan sebagainya, seseorang itu bukan sahaja dianggap sebaik-baik manusia bahkan akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Perkara ini sesuai dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa memberi petunjuk kepada orang lain, maka dia mendapat ganjaran sebagaimana ganjaran orang yang melakukannya."

Imam al-Bukhari dan Muslim juga ada meriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Sahl bin Sa'ad, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Jika Allah memberikan hidayah kepada seseorang melalui perantaraamu maka itu lebih baik bagimu daripada mendapatkan una merah (harta yang paling berharga orang Arab ketika itu)."


Jika penggunaan Facebook tersebut kepada perkara yang sia-sia dan tidak bermanfaat apatah lagi mencancang-canangkan keburukan, kekurangan, kelemahan orang lain untuk menjadi bahan bacaan orang lain maka Facebook pun bernilai sia-sia dan hanya membuang-buang masa dan waktu sahaja. Bukan itu sahaja si pengirimnya malah mendapat dosa dan pembaca juga terkena tempiasnya. Begitu juga jika Facebook digunakan untuk perkara yang haram, maka hukumnya pun menjadi haram seperti menyebarkan atau berkongsi gambar-gambar lucu dan sebagainya.

Sebagaimana pengguna Facebook yang berhemah, sebarkanlah perkara-perkara yang berkebajikan seperti doa-doaa harian, artikel yang berkaitan dengan agama Islam, umpamanya mengenai sembahyang sama ada sembahyang wajib, sunat, fardu kifayah dan sebagainya. Apabila hasil maklumat dan artikel tersebut dimasukkan ke dalam status atau pautan (*link*) di Facebook dan dibaca oleh lima orang rakan bahkan mungkin lebih banyak menjangkau angka ratus, lalu mereka mengamalkannya. Semakin ramai orang yang membaca dan mengamalkannya, semakin banyaklah pahala yang kita perolehi. Jadinya, jika Facebook dimanfaatkan untuk dakwah seperti ini, ia adalah sangat bermanfaat dibandingkan dengan membuat status di Facebook dengan perkara yang sia-sia,

bukan pahala yang didapat bahkan dosa yang diperolehi.

Terdapat beberapa aplikasi dalam Facebook ada yang boleh dimanfaatkan sebagai sarana dakwah yang akan meneraju kemajuan teknologi dalam proses dakwah. Perkara ini diyakini masyarakat dan pengguna Facebook yang lain akan dapat lebih mengenal syariat Islam dan tidak menganggap bahawa dakwah itu hanya berlaku dalam pembelajaran atau bidang pekerjaan sahaja sebab dakwah adalah bertujuan untuk menyeri kepada umat manusia untuk mengerjakan perkara-perkara yang makruf dan menjauhi atau mencegah daripada perkara yang mungkar.

Dakwah yang disampaikan melalui Facebook perlu ada daya tarikan kepada pengguna dan pembaca Facebook yang lain, kerana ia bergantung bagaimana seorang pendakwah itu membuat status yang berkaitan dengan dakwah yang pandai mengolah dakwahnya dalam bentuk kalimat yang sederhana namun penuh dan sarat dengan makna sehingga dapat mengambil perhatian pengguna Facebook yang lain untuk membacanya. Sekurang-kurangnya para pembaca di Facebook akan memberikan tindakan berupa like atau hanya menulis perkataan Amin dalam ruangan komen atau ulasan sehingga tujuan dari dakwah itu tercapai mengubah pola atau cara berfikir dan perilaku ke arah yang lebih baik. Sekurang-kurangnya dakwah yang disampaikan akan dapat membentuk sahsiah seseorang ke arah kebaikan secara



perlahan-lahan.

Firman Allah dalam Surah Fushshilat, ayat 33 yang tafsirnya : "Dan tiada siapa pun yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeri kepada (mentauhidkan) Allah, serta (dia sendiri) mengerjakan amalan-amalan soleh dan berkata : Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri."

Facebook sangat bermanfaat dalam menyampaikan dakwah Islamiah kerana ia boleh diakses di mana-mana dan bila-bila masa sahaja asalkan kita disambungkan dengan jaringan internet. Dakwah yang disebarluaskan juga mestilah dakwah yang berbentuk hikmah dan nasihat yang baik seperti firman Allah dalam Surah an-Nahl, ayat 125 yang tafsirnya : "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik."

Selain itu, dakwah yang dibuat adalah seperti yang diserukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seperti firman Allah dalam Surah Yusuf, ayat 108 yang tafsirnya : "Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : Inilah jalan-Ku, Aku dan orang-orang yang mengikuti-Ku menyeri (kamu) kepada (agama) Allah atas (dasar) hujah yang nyata (dan meyakinkan)."

**MEMANFAATKAN Facebook untuk dakwah Islamiah adalah satu permainan yang paling baik bagi pengguna-pengguna Muslim khususnya. Dakwah atau nasihat-nasihat keagamaan melalui Facebook boleh memberikan kesedaran kepada mereka yang menerima sama ada melalui inbox atau melalui link mereka. Oleh itu, jadilah orang yang bermanfaat bagi orang lain apa lagi dalam masalah keagamaan yang mendatangkan kebahagiaan di dunia dan akhirat.**

# Miliki keazaman hadapi pembangunan wawasan negara

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

**TEMBURONG**, Isnin, 27 Februari. - Seramai 230 murid Darjah Pra hingga 6 Sekolah Ugama Bokok menyertai Program Keagamaan Senegara Persekutuan Ugama dan Arab 1438 Hijrah / 2017 Masihi bagi bulan Februari tahun ini yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Program yang berlangsung di Sekolah Ugama Bokok itu, turut dihadiri oleh Ketua Nazir Daerah (Kenaziran JPI Temburong), Dayang Hajah Barizah binti Haji Ibrahim dan Pegawai IRK dan Pelajaran Lanjutan, JPI, Awang Jeffry bin Othman.

Acara program dimulakan dengan Sesi Tazkirah bertajuk 'Peranan Pelajar



SEBAHAGIAN murid lelaki Darjah Pra hingga 6 Sekolah Ugama Bokok yang menyertai program keagamaan berkenaan.

dalam Menjayakan Wawasan Negara' yang disampaikan oleh Guru Kanan Amali, Sekolah Ugama Bokok, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamzah yang menyampaikan tazkirah kepada 129 murid lelaki, manakala Guru Ugama Darjah 6 sekolah tersebut, Dayang Romaizah binti Haji Basir menyampaikan tazkirah kepada seramai 101 murid perempuan.

Sebagai generasi muda, murid-murid merupakan aset negara yang sangat bernilai dalam menjayakan wawasan negara, justeru itu mereka hendaklah mempunyai keazaman yang kuat bagi menghadapi segala kesusahan yang dihadapi dalam proses pembangunan wawasan negara.

Di dalam tazkirah yang disampaikan, murid-murid diseru supaya menjayakan Brunei 2035 dengan tidak melibatkan diri dengan gejala sosial, mematuhi peraturan dan undang-undang negara, serta menjadi teladan yang baik kepada adik-beradik dan rakan-rakan.

Selain itu, mereka perlulah memberikan sumbangan tenaga dan fikiran dalam pendidikan, kemahiran tinggi dan berjaya, serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Sesungguhnya pelajar yang berkualiti memainkan peranan yang penting dalam menjayakan wawasan negara kerana mereka lah pemangkin kecemerlangan negara.

Program diteruskan dengan bacaan



KETUA Nazir Daerah (Kenaziran Jabatan Pengajian Islam Temburong), Dayang Hajah Barizah binti Haji Ibrahim semasa hadir pada Program Keagamaan Senegara Persekutuan Ugama dan Arab 1438 Hijrah / 2017 Masihi bagi bulan Februari di Sekolah Ugama Bokok.

Surah Yaa Siin beramai-ramai sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun.

Program diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, pelaksanaan program adalah selaras dengan matlamat yang ingin dicapai dalam Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan *al-Insan as-Saleh*, di mana penekanan pendidikan seimbang dan sempurna bergerak seiring menerusi kedua-dua aspek, iaitu kurikulum dan gerak kerja kokurikulum.

Program bagi bulan ini diselenggarakan serentak di keempat-empat daerah bermula jam 8.00 pagi bagi sekolah-sekolah ugama sesi pagi dan sekolah-sekolah Arab dan jam 2.00 petang bagi semua sekolah ugama seluruh daerah.

## Peserta YSEALI Generasi Hijau lawat Temburong

Siaran Akhbar dan Foto : Kedutaan Amerika Syarikat

**TEMBURONG**, Isnin, 27 Februari. - Perwakilan dan Mentor Bengkel Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI) Generasi Hijau melawat Kampung Eko Sumbiling di Temburong sebagai sebahagian daripada aktiviti pedalamatan untuk bengkel empat hari di negara ini.

Menurut Siaran Akhbar Kedutaan Amerika Syarikat, lawatan yang diadakan pada 26 Februari lalu para peserta telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti seperti tenunian tradisional, meredah sungai dan hutan, melukis dan belajar proses menyediakan ayam buluh.

Perbincangan khas telah diadakan sebagai sebahagian dari sesi bengkel

memberi tumpuan kepada tema 'Memperkasakan Ekonomi dan Pembangunan Infrastruktur'.

Penceramah pertama, Leslie Chiang, merupakan pengasas Kampung Eko Sumbiling memberikan sesi taklimat mengenai 'Manfaat Bersama : Membolehkan Komuniti ke Arah Pertumbuhan Inklusif'.

Penceramah kedua ialah Pengarah Yayasan Tao Kalahi, Rambie Lim menyampaikan taklimat mengenai 'Pembangunan Lestari : Mengamalkan dan Memelihara Alam Sekitar melalui Reka Bentuk'.

Pegawai Perhubungan Awam, Kedutaan Amerika Syarikat, Catherine Muller, menyatakan, "Kedutaan Amerika Syarikat teruja untuk memberi peluang kepada para delegasi untuk menyaksikan sebahagian dari Brunei Darussalam sebagai bengkel mereka untuk mengetahui lebih lanjut mengenai alam semula jadi di negara ini,

serta amalan terbaik untuk eko-persahabatan pelancongan. Kami berharap sebahagian dari perjalanan mereka memberi inspirasi kepada peserta untuk terus mengamalkan gaya hidup yang mesra alam apabila pulang ke rumah."

Bengkel YSEALI Generasi Hijau adalah bengkel empat hari memberi tumpuan kepada eko-keusahawanan yang termasuk 50 perwakilan yang berumur di antara 20 dan 35 tahun mewakili setiap daripada 10 negara ASEAN.

Para perwakilan pelajar dan profesional muda dengan pengalaman dan minat yang berkaitan dalam bidang pembangunan green-business, eko-keusahawanan dan eko-pelancongan.

Bengkel berkenaan ditaja oleh Jabatan Amerika Syarikat dan dibiayai melalui Perjanjian Kerjasama daripada Kedutaan Amerika Syarikat di Brunei Darussalam kepada AGREKA bagi



SEBAHAGIAN daripada peserta Bengkel YSEALI Generasi Hijau semasa bergambar di Kampung Eko Sumbiling.

ditandatangani oleh Kerajaan Amerika Syarikat untuk mengukuhkan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin yang baru muncul di Asia Tenggara.

Melalui program-program seperti Generasi Hijau, YSEALI membina keupayaan kepimpinan belia di rantau ini, menguatkan hubungan di antara Amerika Syarikat dan Asia Tenggara dan memupuk komuniti pemimpin ASEAN yang bekerja merentasi sempadan untuk menyelesaikan isu-isu yang sama.

YSEALI Generasi Hijau adalah salah satu daripada beberapa bengkel yang telah mengambil alih di rantau ini tertumpu kepada salah satu daripada empat tema YSEALI - alam sekitar dan pengurusan sumber asli, pembangunan ekonomi, penglibatan sivik, dan pendidikan.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai YSEALI, termasuk bagaimana untuk menyertai, bolehlah melayari laman sesawang melalui <https://asean.us-mission.gov/yseali/>.



PARA peserta Bengkel Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI) Generasi Hijau semasa sesi gambar ramai di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan sebelum membuat lawatan ke Kampung Eko Sumbiling di Temburong.

# AMBD galakkan pertumbuhan 'FinTech'

Oleh : Wan Mohamad Sahran  
Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 27 Februari. - Autoriti Monetar Brunei Darussalam (AMBD) telah menyedari isu berkaitan landskap industri perkhidmatan kewangan - FinTech yang berpotensi untuk dibentuk semula.

Menurut Lembaga Perkhidmatan Kewangan (FSB), FinTech adalah teknologi inovasi kewangan menerusi model perniagaan baru, aplikasi, proses atau produk dengan kesan bahan yang berkaitan di pasaran kewangan dan institusi dan penyediaan perkhidmatan kewangan.

Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman berucap demikian semasa melancarkan 'The FinTech Sandbox' yang berlangsung di Bangunan Design and Technology, Anggerek Desa, Berakas, di sini.

Menurutnya, beberapa Syarikat FinTech dilabel sebagai *disruptors* namun ia juga *enablers* yang bekerjasama dengan institusi kewangan, di samping menyediakan pelanggan dengan produk dan perkhidmatan baharu yang lebih baik.

"Tidak kira apa pun penghujung spektrum Syarikat-syarikat FinTech yang diambil, namun peranan AMBD tetap sama, iaitu memelihara kestabilan industri kewangan, pada masa yang sama memastikan kesejahteraan pelanggan dipelihara,"



SEBAHAGIAN daripada pihak-pihak yang berkepentingan termasuk beberapa agensi kerajaan dan pengawalseliaan yang berkaitan, syarikat-syarikat teknologi, wakil-wakil industri kewangan dan para usahawan serta pelajar-pelajar institusi pendidikan tinggi yang hadir pada majlis tersebut.

katanya.

Awang Yusof seterusnya berkata, AMBD telah mengambil beberapa inisiatif dalam memastikan kesediaannya menerajui gelombang FinTech berikutnya pelbagai manfaat hasil perkongsian perkhidmatan - perkhidmatan Kewangan dan Teknologi.

Antaranya ialah mewujudkan Pejabat FinTech sebagai titik perhubungan pertama bagi mana-mana pihak yang melibatkan AMBD berkaitan sebarang isu FinTech selain berfungsi bagi penyimpanan sebarang maklumat mengenainya.

Selain itu juga, beliau juga

mengumumkan mengenai pengeluaran Garis Pandu Pengawalseliaan 'Sandbox' FinTech yang mana hasil rundingan antara agensi kerajaan yang berkaitan dan industri, akan membolehkan syarikat-syarikat yang berhasrat untuk menggunakan penyelesaian mereka kepada seluruh pasaran dan permohonan kemasukan ke dalam pengawalseliaan 'Sandbox'.

AMBD jelasnya, berperanan dalam memastikan bahawa industri kewangan di negara ini adalah *future-proofed* melalui pendekatan muzakarah yang melibatkan semua pihak berkepentingan yang berkaitan, kajian terperinci mengenai amalan

terbaik antarabangsa, serta menggubal rangka kerja kawal selia dan mekanisme secara menyeluruh dan sesuai bagi negara kita.

Berikutnya dengan itu tambahnya, AMBD berusaha lebih ke arah pembangunan FinTech di negara ini.

Meskipun inovasi tidak berterusan dan statik akan tetapi AMBD akan terus bekerjasama dan membantu pihak yang berkepentingan dalam memastikan industri kewangan tetap relevan.

Acara diteruskan dengan pelancaran 'FinTech Office AMBD' iaitu pejabat 'online' dalam memudahkan segala perkara dan isu termasuk pertanyaan

berkaitan FinTech di negara ini.

Selain itu, Garis Pandu Pengawalseliaan 'Sandbox' FinTech juga dilancarkan bagi membolehkan Syarikat-syarikat FinTech untuk menguji produk atau penyelesaian kewangan mereka dengan cara yang selamat dan cekap sambil sokongan dari segi pengawalseliaan AMBD.

Juga hadir, pihak-pihak yang berkepentingan termasuk beberapa agensi kerajaan dan pengawalseliaan yang berkaitan, syarikat-syarikat teknologi, wakil-wakil industri kewangan dan para usahawan serta pelajar-pelajar institusi pendidikan tinggi.

## 25 pelatih PPB terima sijil Kursus Pemandu Jentera Berat



PENGARAH Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan (kiri) semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**TANAH JAMBU**, Selasa, 28 Februari. - Seramai 25 pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB) yang mengikuti Kursus Pemandu Jentera Berat Ke-6 menerima sijil mereka pada Majlis Penyampaian Sijil yang diseluruhkan dengan Majlis Menandatangani Kontrak Pengambilan Bekerja Para Peserta Kursus Dengan Syarikat-Syarikat Pengusaha Jentera Berat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta kursus ialah Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan yang berlangsung di pusat berkenaan.

Kursus Pemandu Jentera Berat Ke-6 telah dilaksanakan bermula 28 Julai 2016 dan berakhir pada

16 Disember 2016.

Pelaksanaan kursus tersebut dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu dua bulan latihan kemahiran di PPB dan tiga bulan di syarikat swasta yang mengendalikan perkhidmatan pemanduan jentera berat.

Para pelatih telah diberikan latihan pemanduan pelbagai jenis kendaraan berat secara intensif sehingga berjaya mendapatkan lesen memandu Kelas 4, 5, 6, 2 dan 11, yang mana kelas-kelas lesen memandu ini sangat diperlukan oleh kebanyakan syarikat yang melibatkan operasi jentera berat.

Selain itu, para lepasan peserta juga telah dilengkapi dengan pelbagai kemahiran lain seperti yang terkandung di dalam kurikulum pembelajaran latihan kemahiran

mereka di antaranya, ialah Defensive Driving, Apply First Aid, Occupational Four Wheel Drive, Driving Heavy Vehicle, Bus Driver Training, Rigging and Slinging, Lorry Mounted Hiab and Basic HSE Awareness.

Kesemua jenis latihan yang mereka ikuti itu mendapat pengiktirafan RoSPA (The Royal Society for the Prevention of Accidents) dan St. John Ambulance Australia.

Sejak kursus tersebut dilaksanakan pada tahun 2012, seramai 112 belia telah berjaya dilatih di dalam bidang pemanduan jentera berat.

Dari jumlah tersebut, hampir 100 peratus lepasan telah memperolehi pekerjaan yang menjurus kepada bidang kemahiran pemanduan jentera berat. Walaupun jumlah penglibatan golongan belia di dalam bidang pekerjaan ini dilihat masih kecil, akan tetapi jumlah pemandu-pemanduan jentera dari kalangan anak tempatan dilihat semakin meningkat dan menggalakkan. Ini menunjukkan yang golongan belia sekarang sudah mula menerima jenis pekerjaan atau kerjaya ini.

Kursus Pemandu Jentera Berat Ke-6 kali ini dilaksanakan secara usahasama di antara PPB, Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan Jabatan Tenaga dan Perindustrian melalui Program Industry Competency Framework.

Pendekatan usaha sama dalam perancangan dan pelaksanaan tenaga kerja sebegini dilihat akan dapat menambahkan lagi keberkesanannya usaha-usaha pihak kerajaan dalam mengurangkan pengangguran dan secara tidak langsung membasmikan masalah kemiskinan di negara ini, iaitu melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran khusus dalam kalangan anak-anak tempatan.

Strategi berlandaskan sinergi dan rakan kongsi dalam pengendalian kursus seumpama ini, bukan sahaja akan memberikan kemahiran dan diiktiraf, malahan juga dapat

memastikan para pelatih mendapat pekerjaan selepas mereka menamatkan kursus kerana kemahiran di dalam bidang ini bukan sahaja merangkumi keperluan tenaga kerja dalam industri minyak dan gas, akan tetapi juga banyak diperlukan dalam bidang lain seperti industri pembinaan, pelancongan dan pengurusan *hospitality*.

Para pencari kerja di negara ini adalah digalakkan untuk merebut peluang-peluang yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam mengingkatkan kemahiran dan kualiti diri dalam apa juar bidang kemahiran berdasarkan kehendak pasaran pekerjaan di negara ini, khususnya di sektor swasta yang secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pencari kerja di negara ini.

Para belia juga disarankan untuk menghargai sesuatu pekerjaan itu sebagai kerjaya dan dilaksanakan dengan rasa bertanggungjawab dan amanah, disiplin, menghormati majikan dan rakan-rakan sekerja serta sentiasa mematuhi arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh

syarikat atau majikan.

Majlis diteruskan dengan Majlis Penandatanganan Kontrak Pekerjaan di antara lepasan-lepasan kursus dengan syarikat-syarikat pengusaha jentera berat yang telah bersedia untuk menawarkan pekerjaan kepada lepasan peserta kursus dan penyampaian Hadiah Pelatih Contoh Kursus Pemandu Jentera Berat Ke-6 kepada Pengiran Andy Musshaddad bin Pengiran Haji Mohammad Jaafar yang telah menunjukkan pencapaian dan prestasi yang cemerlang sepanjang kursus dijalankan.

Sementara itu, Pelita Brunei menemubual Awang Mohd. Shamsul Bahri bin Haji Nasar, beliau berpendapat setelah mengikuti kursus ini, ianya memberi manfaat untuk anak tempatan, dimana pasaran kerajaan dalam bidang ini memang luas dan kukuh.

Terdahulu jelasnya, beliau mengikuti kursus ini sejak tahun lepas pada bulan September selama lima bulan dan sebelumnya, iaitu semester pertama di Pusat Latihan Mekanik tahun 2015.



PENANDATANGANAN kontrak di antara salah seorang peserta kursus dengan salah seorang pengusaha jentera berat.

# Masjid Baharu Kg. Sengkarai boleh menampung 1,000 jemaah

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Isnin, 27 Februari. - Penduduk Kampung Sengkarai daerah ini dan sekitarnya dalam masa terdekat akan dapat menggunakan Masjid Baharu Kampung Sengkarai.

Sehubungan itu, Majlis Menyertu bangunan berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong, Awang Haji Masri bin Haji Mohammad.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu Kampung Sengkarai bertujuan

untuk memastikan kebersihannya sebelum pemasangan permaidani dilaksanakan dan sebelum masjid ini digunakan sepenuhnya.

Dalam pada itu, anggaran perbelanjaan pembinaan bangunan ini berjumlah BND3,833,535 adalah menggunakan peruntukan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Wang Zakat Asnaf al-Gharimin yang dibina atas tapak seluas lima ekar.

Masjid baharu ini boleh menampung kira-kira 1,000 jemaah.

Di antara kemudahan yang disediakan di masjid ini termasuklah Dewan Sembahyang Utama (Lelaki), Dewan Sembahyang Perempuan, Bilik Muzakarah, Bilik Pegawai Hal Ehwal Masjid, Bilik Imam / Bilal,

Bilik Tetamu Khas, Bilik Kaunseling, Bilik Bacaan, Bilik PA System, Bilik Stor, Bilik Wudhu Lalaki / Perempuan dan Tetamu Khas yang berasingan, Bilik Pengurusan Jenazah, dapur dan tandas bagi jemaah lelaki dan perempuan yang berasingan dan tempat laluan bagi orang kurang upaya.

Salah seorang penduduk kampung tersebut, Awang Iswanddy bin Haji Mustaffa ketika ditemui berkata, masjid baharu ini nanti akan memudahkan penduduk Kampung Sengkarai melakukan ibadah.

**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof memulakan menyertu bangunan Masjid Baharu Kampung Sengkarai.



## Pembarigaan Akta Hak Milik Strata

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 Februari. - Bagi mengukuhkan pengetahuan dan mengemas kini kakitangan terutama kakitangan baharu mengenai Strata, Kanun Tanah (Strata) Bab 189, kelebihan dan prosedur dalam antara unit, Jabatan Tanah telah mengadakan Jerayawara Pembarigaan Akta Hak Milik Strata yang berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Jerayawara berkenaan diisikan dengan sesi-sesi taklimat dan diselajurkan dengan pelancaran video pelaksanaan Akta Hak Milik Strata oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dan Pesuruhjaya Tanah, Datin Dayang Hajah Zainon binti Abang Haji Omarzuki.

Taklimat-taklimat yang disampaikan menyentuh beberapa tajuk, iaitu 'Pengenalan Akta Hak Milik Strata', 'Proses Pecah Bahagi Bangunan Strata', 'Proses Pindah Milik Strata', 'Proses Pendaftaran Hak Milik Strata' dan 'Strata Corporation' yang telah disampaikan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Tanah.

Penguatkuasaan Kanun Tanah (Strata) Bab 189 telah bermula sejak 1 Julai 2009, walau bagaimanapun permohonan hak milik strata belum



TAKLIMAT disampaikan oleh wakil-wakil dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

lagi popular berbanding dengan negara-negara jiran.

Besar kemungkinan ini adalah kerana orang ramai masih belum mendapat makluman jelas mengenai hak milik strata, kelebihannya dan bagaimana mereka mendapatkan hak milik strata.

Sehubungan itu, untuk mengatasi masalah ini ialah dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan Jabatan Tanah melalui pembarigaan ini bagi membolehkan mereka menjadi lebih

jelas ke arah menangani sebarang pertanyaan orang awam dan melancarkan lagi proses permohonan strata.

Setakat ini, pihak jabatan tanah telah berjaya mendaftarkan dan mengeluarkan 42 keping geran hak milik strata (42 unit) yang berasal dari dua keping lot tanah.

Dengan kejayaan pembarigaan jerayawara dan siri-siri pembarigaan berikutnya pada masa akan datang, ia diharapkan dapat membantu meningkatkan kadar permohonan yang

mana pembarigaan ini ditujukan kepada pihak-pihak berkepentingan luar seperti pemilik lot tanah, pemaju, syarikat swasta dan sebagainya.

Di antara taklimat yang disampaikan adalah mengenai dengan maksud Unit Aksesori iaitu ruang petak lain yang digunakan secara eksklusif oleh pihak pemilik unit utama dan bukan untuk kegunaan bersama. Sebagai contoh taman bunga, kolam renang, letak kereta, stor, tangga dan lain-lain penggunaanya khusus untuk sesebuah unit utama.

## Pelajar Brunei di New Zealand sertai Pesta Makanan Antarabangsa

**NEW ZEALAND**, Isnin, 27 Februari. - Persatuan Penuntut Brunei Darussalam di New Zealand telah menyertai International Food Festival (IFF), iaitu Pesta Makanan Antarabangsa.

Menurut Siaran Akhbar Persatuan Penuntut Brunei Darussalam di

New Zealand, acara tersebut adalah salah satu acara yang dianjurkan oleh Otago Universiti di mana pelbagai persatuan antarabangsa memperkenalkan dan menjual makanan serta minuman tempatan masing-masing.

Persatuan Penuntut Brunei

Darussalam kali ini telah memilih untuk menjual Pisang Babujah, iaitu cucur pisang bersama coklat, Nasi Katok Pusu dan minuman Air Bandung.

Alhamdulillah, walaupun cuaca kurang baik, acara tersebut masih berjalan dengan lancar dan meriah.

Lebih-lebih lagi ramai pelanggan

kami menyukai dan memberi ulasan yang positif kepada masakan kami.

Melalui acara tersebut, kami berharap untuk mempamerkan

keunikan dan keistimewaan masakan Brunei kepada pelanggan-pelanggan kami dan sekali gus mempromosikan Negara Brunei Darussalam.

## Siaran satelit RTB4 dihentikan

Siaran Akhbar : Radio Televisyen Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 Februari. - Bermula 1 Mac 2017, saluran RTB4 International kini boleh diikuti melalui saluran *terrestrial* di negara ini dan secara *online*.


Menurut Siaran Akhbar Radio Televisyen Brunei (RTB), siaran melalui satelit akan dihentikan perkhidmatannya pada 28 Februari 2017.

Saluran RTB4 International boleh dilayari melalui laman sesawang RTB di [www.rtb.gov.bn](http://www.rtb.gov.bn).

Untuk mengikuti segmen berita, sila layari [www.rtbnews.rtb.gov.bn](http://www.rtbnews.rtb.gov.bn), iaitu dengan mengikuti tatacara berikut :

- Bagi pengguna telefon pintar :
  - Android : Muat turun aplikasi 'MX Player'
  - iOS : Muat turun aplikasi 'VLC Player'
- Bagi pengguna komputer peribadi :
  - Windows : Live streaming akan main secara automatik dengan menekan butang *play*
  - Mac : Muat turun perisian 'VLC Player'

Untuk mengikuti aktiviti-aktiviti RTB, orang awam boleh mengikutinya melalui media sosial Facebook / Instagram : [rtb.bn](https://www.facebook.com/rtb.bn) dan Twitter : [@rtb\\_bn](https://twitter.com/rtb_bn).



PERSATUAN Penuntut Brunei Darussalam di New Zealand menyertai Pesta Makanan Antarabangsa.

# Bersiap siaga hadapi bencana

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 27 Februari. - Bencana alam merupakan cabaran yang dihadapi oleh banyak masyarakat di seluruh dunia dan di negara ini walaupun secara geografinya memang terhindar daripada bencana seperti gempa bumi, letusan gunung berapi dan taufan, namun negara juga ikut terjejas daripada kejadian-kejadian bencana alam di rantau berdekatan seperti baru-baru ini gegaran akibat gempa bumi yang terjadi di Lautan Sulawesi pada awal bulan Januari tahun ini.

Selain itu, negara juga ikut terjejas daripada *tail-end* daripada taufan-taufan yang melanda negara-negara jiran yang lain.

Dari itu, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) telah diberikan amanah oleh pihak kerajaan untuk memikul tanggungjawab pengurusan bencana di negara ini dan sememangnya pihak agensi petindak operasi tersebut akan membuat tindakan kecemasan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat.

Namun, kita juga perlu memberi perhatian sewajarnya kepada aktiviti-aktiviti pengurangan risiko bencana dengan memberikan penekanan terhadap penerapan amalan mengurangkan risiko bencana, dengan mengambil kira bahawa masyarakat

kita sentiasa terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman bencana dan perlu diberi latihan dalam pengurangan risiko bencana dan juga bagi menghadapi keadaan bencana.

Pemangku Pengarah NDMC, Awang Abdul Rahim bin Haji Ismail menyatakan perkara tersebut semasa Majlis Pembukaan Program Pengurusan Risiko Bencana di Peringkat Masyarakat (CBDRM) bagi Mukim Kianggeh dan Mukim Kota Batu yang diadakan di Dewan Serbaguna, Depot Bandaran, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Kampung Belimbang Subok, di sini.

Tambahnya, dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), NDMC sekali lagi dapat menganjurkan program CBDRM sebagai pelaburan aktiviti pengurangan risiko bencana berbanding tindak balas selepas berlakunya bencana.

Program CBDRM jelasnya lagi, adalah satu rancangan di bawah keutamaan NDMC ke arah Pengurusan Risiko Bencana secara berterusan melalui program-program Pencegahan dan Kesiapsiagaan menghadapi bencana.

"Melalui program yang telah disusun sepanjang dua hari ini, masyarakat di Mukim Kianggeh dan

juga Mukim Kota Batu akan dapat mendengarkan taklimat daripada pelbagai agensi yang berkepentingan termasuk ceramah mengenai dengan pengurusan bencana dari perspektif ugama Islam," ujarnya.

Program CBDRM yang dikendalikan bermula 27 Februari sehingga 28 Februari merupakan salah satu daripada usaha-usaha berterusan NDMC untuk meningkatkan kesedaran dan membina kesiapsiagaan masyarakat bagi menghadapi kecemasan bencana.

Program yang dihadiri oleh lebih daripada 100 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejiran dan Kampung dan penduduk-penduduk dari Mukim Kianggeh dan Mukim Kota Batu.

Juga hadir sama pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, Penghulu Mukim Kota Baru Zon 3.

Melalui program tersebut, para peserta juga diajarkan secara teori dan praktikal tentang asas pemadam kebakaran dan menyelamat nyawa, para peserta program juga akan menghasilkan *hazard map* atau peta bahaya yang mengandungi makluman mengenai dengan kawasan yang pernah ditimpah bencana dan tempat-tempat yang berisiko.

*Hazard map* tersebut nanti akan

dapat digunakan sebagai kesiapsiagaan sebelum dan juga sebagai bahan rujukan semasa merancangkan operasi bencana.

Turut diadakan pada sesi hari pertama program ini berlangsung ialah taklimat mengenai pengenalan tentang NDMC dan Program CBDRM yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Tingkat II, NDMC, Awang Mohd. Adib bin Matali.

Sementara siri taklimat lain turut diadakan antaranya ialah mengenai peranan dan tanggungjawab JDBM dalam mengurus bencana, taklimat kesedaran awam mengenai insiden tanah susur dari Jabatan Kerja Raya (JKR), taklimat dari Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengenai keselamatan dan pencegahan kebakaran; taklimat dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengenai bantuan kemanusiaan bagi para mangsa yang terjejas akibat bencana; pengenalan demonstrasi 'Asas Menyelamat Nyawa' dari Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan Demonstrasi memadam kebakaran dari JBP.

Program CBDRM berkenaan dianjurkan dengan kerjasama JDBM dengan penglibatan Jabatan JBP, JKR, Jabatan Ukur, JAPEM, Pusat Da'wah Islamiah dan Persatuan Bulan Sabit Merah NBD.

Sejak ia dilancarkan pada tahun 2010, Program CBDRM telah dikendalikan di 15 buah mukim



**PEMANGKU Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Awang Abdul Rahim bin Haji Ismail ketika memberikan ucapan pada majlis tersebut.**

di seluruh negara dengan memberikan tumpuan kepada mukim-mukim yang sering kali dilanda bencana.

Dari itu, adalah dihasratkan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak akan sama-sama dapat mewujudkan persekitaran kampung yang selamat, aman dan siap sedia menangani sebarang bencana melalui inisiatif tersebut, yang juga merupakan indikator yang positif ke arah menaik taraf dan pembangunan kesejahteraan serta perpaduan masyarakat dan kampung.

## TASKA YSHHB raikan Hari Kebangsaan



**BERAKAS,** Isnin, 27 Februari. - Seramai 559 pelajar yang terdiri dari Taman Asuhan 1 hingga 3 telah mengikuti Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun yang berlangsung di Dewan Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB), Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, ialah Ketua Pegawai Eksekutif YSHHB, Awang Noorhaizamdin bin Haji Mosbi.

Acara dimulakan dengan bacaan

**ACARA diisi dengan cerita pendek mengenai Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh guru-guru Taman Asuhan 3.**

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

Surah Al-Fatihilah beramai-ramai yang diketuai oleh guru sekolah berkenaan, Awang Samsul Muawan, diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan beramai-ramai dan diteruskan lagi dengan cerita pendek mengenai Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh guru-guru Taman Asuhan 3.

Majlis juga disenaraikan dengan tayangan klip video mengenai Bandar Brunei lama, cara kehidupan dahulu serta Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang pertama pada tahun 1984 dan dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian lagu yang bertajuk 'Generasi

Berwawasan' sambil membentuk peta Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh kesemua pelajar Taman Asuhan 1 hingga 3.

Aktiviti tahunan kurikulum TASKA YSHHB tersebut antara lain bertujuan untuk memberikan sedikit pengetahuan kepada para pelajar mengenai Negara Brunei Darussalam, selain untuk menanamkan rasa cinta kepada negara ke dalam diri para pelajar.

Turut hadir ialah Pemangku Pengetua TASKA, Dayang Hajah Zainab binti Haji Abdul Wahab; guru-guru, pembantu-pembantu guru serta kakitangan sekolah berkenaan.

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**



**JABATAN Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait semasa mengadakan program Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Saint James.**

**KUALA BELAIT,** Isnin, 27 Februari. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait meneruskan lagi program Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke Sekolah Saint James, di sini.

Taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna telah dihadiri lebih 30 pelajar Tahun 7 dan guru-guru sekolah berkenaan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihilah, disusuli nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara'.

Program tersebut merupakan usaha berterusan jabatan berkenaan bagi menyemai semangat patriotisme kepada para belia untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Para pelajar kemudiannya mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan terperinci.

Pelita Brunei menemu bual Guru Kanan, Bahagian Disiplin dan Hal Ehwal Pelajar, Awang Haji Daud bin Akup berkata, usaha Jabatan Penerangan dalam memberi Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke sekolah-sekolah merupakan satu usaha yang amat bermanfaat bagi warga sekolah agar mereka peka akan pentingnya menghormati bendera dan cara-cara menjaganya.

Selain itu, beliau menambah, taklimat seumpama itu wajar dilaratkan ke peringkat pengetahuan masyarakat dan ia hendaklah dikendalikan oleh pihak media sama ada melalui radio, televisyen, WhatsApp, mahupun media massa secara berterusan.

Sementara itu, Pelita Brunei juga berkesempatan mendapatkan pendapat

daripada beberapa orang penuntut yang hadir pada taklimat itu, Dayang Angginta Elainy Fausta, pelajar Tahun 7, penerangan mengenai bendera yang disampaikan mudah difahami dan dapat menerima maklumat dengan jelas dan beliau memahami mengenai kepentingan penjagaan bendera.

Manakala Awang Abdul Hafiz Waie bin Zakaria, juga pelajar

Tahun 7 berasa bertuah kerana berpeluang mendengarkan taklimat yang amat berguna yang sebelumnya dia tidak mengetahui akan kepentingan bendera dan lagu kebangsaan.

Taklimat itu juga diselitkan dengan penayangan klip video 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera',

selain para pelajar juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan Pegawai Luar Penerangan, Awang Rafae bin Yaakub.

Program tersebut diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada pihak sekolah tersebut.

# 50 orang sertai Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan London



PESURUHJAYA Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan Ireland, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Paduka Haji Abidin (tujuh, kiri) bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi, Unit Penuntut-Penuntut, Agensi Pelaburan Brunei London dan Kensington Palace Gardens serta penuntut dan rakyat Negara Brunei Darussalam yang sedang bercuti di London, United Kingdom semasa menyertai Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan London 2017.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Brunei Students Union dari London, United Kingdom

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Isnin, 27 Februari. - Sepertimana

hari Ahad, 26 Februari lalu, Acara Berbasikal Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan London 2017 juga diadakan pada hari yang sama sejauh 12 kilometer bermula dari The

Serpentine, Hyde Park London dan berakhir di Brunei Hall.

Acara tersebut bertujuan untuk terus menyuntik semangat perpaduan antara kalangan pegawai dan kakitangan yang berkhidmat serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di United Kingdom serta memupuk gaya hidup sihat melalui aktiviti berbasikal.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan Ireland, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Paduka Haji Abidin yang juga turut menyertai acara tersebut.

Seramai lebih 50 orang telah menyertai acara berbasikal yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi, Unit Penuntut-Penuntut, Agensi Pelaburan Brunei London dan Kensington Palace Gardens serta penuntut-penuntut dan rakyat Negara Brunei Darussalam yang sedang bercuti di London, United Kingdom.

## Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFABD bermula Mac 2017

**Berita dan Foto :**  
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 27 Februari. - Para peminat sukan bola sepak di negara ini khasnya para remaja sekali lagi berpeluang untuk ikut serta dalam kejohanan yang bakal mewarnai persada bola sepak negara bermula pada bulan Mac 2017 ini.

Kejohanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFABD dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan disokong oleh Badan Induk Bola Sepak Dunia (FIFA).

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengarah Pertandingan NFABD, Awang Dayem bin Haji Ali pada sidang media yang diadakan di NFABD House, Jalan Pusat

Persidangan, di sini.

Kejohanan yang bakal diadakan sebanyak dua pusingan tersebut dibuka kepada 14 buah pasukan dengan perlawanan pembukaan akan berlangsung pada 10 Mac depan di Kompleks Sukan Berakas bermula jam 7.00 pagi yang menyasarkan penyertaan kepada para pemain yang lahir pada tahun 2001, 2002 dan 2003.

Kejohanan yang bakal berlangsung sehingga Oktober 2017 nanti juga bertujuan bagi memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada jurulatih-jurulatih pasukan di bawah 16 tahun serta memberikan peluang kepada pemain-pemain untuk menyesuaikan diri dengan cabaran-cabarannya dalam kejohanan di samping

menyerapkan budaya *fair play* dalam permainan.

Di sepanjang kejohanan yang akan diadakan pada setiap Jumaat dan Ahad itu akan mengambil tempat di empat gelanggang utama, iaitu Padang 'A' dan 'B' Kompleks Sukan Menglait, Gadong; Padang Artificial NFABD, Berakas dan Padang Kompleks Sukan Sungai Kebun, Bandar Seri

Begawan di mana ia dibukakan secara percuma untuk tontonan orang ramai.

Terdahulu juga, menyaksikan majlis penyerahan piala rebutan yang diserahkan oleh Jurulatih Pasukan Tebuan 'A', Fujiwara Takao selaku juara di kejohanan yang lalu kepada Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin

Haji Yusof, selaku Pengerusi Bersama Kejohanan.

Turut hadir pada sidang media berkenaan ialah Pengerusi Bersama Kejohanan, Awang Rosdin bin Haji Abd Aziz dan Awang Mohammad Shahnon bin Haji Mohd Salleh, selaku Pengurus Liga; pegawai-pegawai NFABD serta pengamal-pengamal media tempatan.



JURULATIH Pasukan Tebuan 'A', Fujiwara Takao (tiga, kiri) menyerahkan piala rebutan kejohanan kepada Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Yusof, selaku Pengerusi Bersama Kejohanan (dua, kanan).



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'GENERASI BELIA ASET NEGARA MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان متری دان ڈچیتک اوله جباتن فرچیتکن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.